UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 172

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Sebagaimana pada 1 Jun 2014

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Tarikh Perkenan Diraja … … … 18 Mac 1976

Tarikh penyiaran dalam *Warta* … … 25 Mac 1976

Kali terakhir dipinda melalui Akta A1313 yang mula berkuat kuasa pada … … … … 1 September 2011

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama *1998*

Cetakan Semula Yang Kedua *2001*

Cetakan Semula Yang Ketiga *2005*

Cetakan Semula Yang Keempat *2006*

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 172

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

DASAR DAN PENTADBIRAN

2A. Majlis Perancang Fizikal Negara
2B. Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
3. Dasar perancangan am
4. Jawatankuasa Perancang Negeri dan fungsinya
5. Pihak berkuasa perancang tempatan
6. Fungsi pihak berkuasa perancang tempatan

BAHAGIAN IIA

JAWATANKUASA PERANCANG WILAYAH

6A. Jawatankuasa perancang wilayah

BAHAGIAN IIB

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Seksyen

6B. Rancangan fizikal negara

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMAJUAN

7. Tinjauan kawasan perancangan
8. Penyediaan draf rancangan struktur
9. Publisiti berkaitan dengan penyediaan draf rancangan struktur
10. Kelulusan atau penolakan draf rancangan struktur oleh Jawatankuasa
11. Kajian semula atau pengubahan rancangan struktur
11A. Tatacara kajian semula rancangan struktur
11B. Tatacara bagi pengubahan rancangan struktur
12. Penyediaan draf rancangan tempatan
12A. Publisiti berkaitan dengan penyediaan draf rancangan tempatan
13. Publisiti berkaitan dengan draf rancangan tempatan
14. Siasatan dan pendengaran berkenaan dengan draf rancangan tempatan
15. Kelulusan atau penolakan draf rancangan tempatan
16. Pengubahan, pembatalan dan penggantian rancangan tempatan
16A. Penyediaan, dsb., rancangan tempatan oleh Pengarah Negeri
16B. Rancangan kawasan khas
17. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

BAHAGIAN IV

KAWALAN PERANCANGAN

18. Penggunaan tanah dan bangunan
19. Larangan terhadap pemajuan tanpa kebenaran merancang
20. Larangan terhadap pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang

Seksyen

20A. Kewajipan untuk berunding

21. Permohonan untuk kebenaran merancang

21A. Laporan cadangan pemajuan

21B. Pelan susun atur

21C. Penyediaan pelan, dsb., oleh seseorang yang berkelayakan

22. Layanan terhadap permohonan

23. Rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa perancang tempatan

24. Luputnya kebenaran merancang

25. Pembatalan dan pengubahsuaian kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan

26. Kesalahan yang berhubungan dengan pemajuan yang tidak dibenarkan

27. Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 19

28. Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 20

29. Penguatkuasaan dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai

30. Notis rekuisisi

31. Pelaksanaan oleh orang diberi kuasa

31A. Ketidakselarasan antara undang-undang kecil bangunan dengan rancangan pemajuan

BAHAGIAN V

CAJ PEMAJUAN

32. Caj pemajuan dan tanggungan kepadanya

33. Penentuan caj pemajuan

34. Pembayaran caj pemajuan

35. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

BAHAGIAN VA

PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

35A. Perintah pemeliharaan pokok

Seksyen

35B. Perintah pemeliharaan pokok tidak boleh dibuat jika pokok tertakluk kepada syarat-syaratnya

35C. Rayuan terhadap perintah pemeliharaan pokok, dsb.

35D. Pampasan di bawah perintah pemeliharaan pokok

35E. Penggantian pokok

35F. Pihak berkuasa perancang tempatan bolehlah menggantikan pokok jika orang yang berkewajipan untuk menggantikannya gagal berbuat demikian

35G. Pembatalan perintah pemeliharaan pokok

35H. Larangan untuk memotong, dsb., pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter

BAHAGIAN VI

LEMBAGA RAYUAN

36. Lembaga Rayuan

BAHAGIAN VII

NOTIS PEMBELIAN DAN PENGAMBILAN TANAH

37. Notis menghendaki pembelian tanah dalam hal tertentu

BAHAGIAN VIII

KAWASAN PEMAJUAN

38. Perisytiharan kawasan pemajuan

39. Kuat kuasa perisytiharan

40. Peruntukan khas bagi pampasan

41. Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menggaji ejen, membuat perkiraan, dan menubuhkan perbadanan

42. Kuasa untuk meminjam wang

43. Kuasa untuk melupuskan tanah dan harta

44. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN PELBAGAI

Seksyen

45. Kuasa memasuki

46. Penyampaian dokumen

47. Pengesahan dokumen

48. Bukti dokumentar

49. Keistimewaan daripada pengemukaan dokumen dan kehadiran sebagai saksi

50. Pendakwaan

51. Bidang kuasa mahkamah

52. Penalti oleh sebab mengganggu tanda

52A. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

53. Pekhidmat awam

54. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam

55. Tanggung rugi terhadap tuntutan berkenaan dengan kerosakan atau kerugian

56. Pemakaian Akta 119 bagi siasatan atau pendengaran tempatan

57. Pengecualian daripada fi dan caj

58. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

59. Pemansuhan undang-undang perancangan yang sedia ada

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 172

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Suatu Akta bagi pengawalan dan pengawalseliaan yang sepatutnya mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia dan bagi maksud yang berkenaan dan bersampingan dengannya.

[*Lihat* Lampiran]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar suatu undang-undang dibuat bagi pengawalan dan pengawalseliaan yang sepatutnya mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia:

DAN BAHAWASANYA adalah juga suai manfaat peruntukan dibuat untuk memberikan kuasa eksekutif kepada Persekutuan mengenai perkara tertentu berhubung dengan pengawalan dan pengawalseliaan perancangan bandar dan desa:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (1) Perkara 74, Fasal (4) Perkara 76 dan Fasal (2) Perkara 80 Perlembagaan, **MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan hendaklah terpakai di [*]Semenanjung Malaysia.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa dalam sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dengan persetujuan Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* Negeri.[**]

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh menjalankan kuat kuasa Akta ini dengan apa-apa cara yang difikirkannya paling berfaedah, sesuai, suai manfaat, atau boleh dilaksanakan, sama ada dengan menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan Akta ini, dengan menetapkan tarikh yang berlainan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bagi bahagian yang berlainan kawasan itu, dengan menjalankan kuasa suatu peruntukan secara am dalam Negeri itu dan pada masa yang sama mengisytiharkan bahawa, selama tempoh atau sehingga masa yang ditentukan, peruntukan itu hendaklah terpakai atau tidak terpakai bagi atau berhubung dengan suatu pihak berkuasa perancang tempatan atau kawasan atau mana-mana bahagian daripada kawasan suatu pihak berkuasa perancang tempatan hanya setakat yang ditentukan sahaja, atau dengan apa-apa cara lain.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"bangunan" termasuklah apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan atau tidak digunakan sebagai

---

[*]*CATATAN*—Bagi pemakaian di Wilayah Persekutuan Labuan *lihat*—P.U.(A) 442/2010 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

[**]*CATATAN—Lihat* Lampiran.

kediaman manusia, dan apa-apa tembok, pagar, pelantar, perancah, pintu pagar, tiang, pilar, pagar pancang, bingkai, papan dendeng, pelancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas pengkalan, atau jambatan, dan apa-apa struktur, topang atau asas yang bersambung pada atau dengan mana-mana daripada struktur itu;

"caj pemajuan" ertinya caj pemajuan yang disebut dalam seksyen 32;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh kaedah-kaedah;

"jalan" ertinya mana-mana jalan awam atau persendirian, dan termasuklah mana-mana lebuh, medan, halaman, jalan kecil, lorong, jambatan, siar kaki, haluan jejak, jalan enam kaki, jalan lalu, atau lebuh raya, sama ada tembus atau tidak, yang orang awam berhak lalu;

"Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

"jawatankuasa perancang wilayah", berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya jawatankuasa perancang wilayah yang ditubuhkan bagi kawasan itu di bawah seksyen 6A;

"kaedah-kaedah" ertinya kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

"kawasan pemajuan" ertinya suatu kawasan pemajuan yang diisytiharkan di bawah subseksyen 38(1);

"kawasan khas" ertinya kawasan yang ditetapkan di bawah seksyen 16B;

"kawasan plinth" ertinya bahagian kawasan daripada mana-mana lot yang akan diliputi oleh bangunan;

"kebenaran merancang" ertinya kebenaran yang diberikan, dengan atau tanpa syarat, untuk menjalankan pemajuan;

"kepadatan" ertinya keamatan penggunaan tanah yang dihitung atau dinyatakan mengikut bilangan orang, unit kediaman, atau bilik yang boleh didiami, atau apa-apa gabungan faktor itu, bagi satu unit

kawasan tanah; dan bagi maksud takrif ini, "bilik yang boleh didiami" tidaklah termasuk dapur, bilik stor, bilik utiliti, tandas, bilik mandi, atau garaj;

"kemudahan" termasuklah jalan, bekalan air dan elektrik, lampu jalan, pembetungan, parit, kerja raya, dan perkhidmatan dan kemudahan awam lain yang seumpama dengannya;

"kerja bangunan" ertinya meruntuhkan, mendirikan, mendirikan semula, atau meluaskan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya dan termasuklah—

(a) apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai suatu bangunan;

(b) membuat bumbung atau membuat semula bumbung suatu bangunan atau sebahagian daripadanya;

(c) apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan atau mungkin akan menjejaskan susunan saliran atau kebersihannya atau keteguhannya;

(d) apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan, sama ada dibuat sebelum atau selepas bangunan itu siap, yang menyimpang dengan apa-apa cara daripada mana-mana pelan atau tentuan berkenaan dengan bangunan itu, yang diluluskan pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk meluluskan pelan atau tentuan itu;

(e) apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan secara material atau mungkin akan menjejaskan secara material bangunan itu dengan apa-apa cara; dan

(f) apa-apa kerja lain yang biasanya dilakukan oleh seseorang yang menjalankan urusan pembinaan bangunan;

"kerja kejuruteraan" termasuklah membentuk atau meratakan tanah, membentuk atau menyediakan jalan masuk ke suatu jalan, atau memasang kabel, sesalur, atau menyediakan bekalan air atau aliran;

"kerja tanah" termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, atau menebang pokok atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah;

"keselesaan" ertinya kualiti atau keadaan suatu tempat atau kawasan yang menyebabkannya menjadi seronok, harmoni dan dapat dinikmati dengan lebih baik, dan termasuklah kawasan lapang, taman, taman rekreasi dan tempat permainan;

"Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa" ertinya Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa yang fungsinya dinyatakan terutamanya dalam seksyen 2B;

"laporan cadangan pemajuan" ertinya laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan oleh seseorang pemohon bagi kebenaran merancang di bawah subseksyen 21A(1);

"Lembaga Rayuan" ertinya Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 36;

"luas lantai" ertinya jumlah luas ruang lantai dalam suatu bangunan, sebagaimana yang diukur dari sebelah luar dinding atau, dalam hal dinding kongsi, diukur dari tengah-tengah dinding itu;

"Majlis" ertinya Majlis Perancang Fizikal Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 2A;

"menebang pokok" termasuklah memotong, memangkas, mencantas, mencabut, merosakkan atau memusnahkan pokok;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perancangan bandar dan desa;

"nisbah plot" ertinya nisbah antara jumlah luas lantai suatu bangunan dengan luas plot bangunan sebagaimana yang diukur antara

garisan sempadan ukur atau, jika tidak ada garisan sempadan ukur, antara garisan sempadan sementara;

"notis pembelian" ertinya suatu notis pembelian yang disebut dalam seksyen 37;

"notis rekuisisi" ertinya suatu notis rekuisisi yang disebut dalam seksyen 30;

"orang diberi kuasa", berhubung dengan mana-mana peruntukan, ertinya seseorang yang ditetapkan secara bertulis oleh pihak berkuasa perancang tempatan sebagai seorang yang diberi kuasa bagi maksud peruntukan itu;

"pelan" termasuklah laporan, lakaran, peta dan model;

"pemajuan" ertinya menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian, atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah; dan "memajukan" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"pemunya", berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya—

(a) tuan punya berdaftar tanah itu;

(b) jika, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan, tuan punya berdaftar tanah itu tidak dapat dikesan, ejen atau pemegang amanahnya;

(c) jika tuan punya berdaftar tanah itu telah mati, wakil dirinya di sisi undang-undang; atau

(d) jika tiada seorang pun antara orang yang disebut dalam perenggan *(a)*, *(b)* dan *(c)* wujud, orang yang pada masa ini menerima sewa tanah atau bangunan itu, sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah

bagi seseorang yang lain atau sebagai seorang penerima, atau yang akan menerima sewa itu jika tanah atau bangunan itu disewakan;

"penghuni", berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, termasuklah—

(a) seseorang penyewa tanah atau bangunan itu;

(b) seseorang pemunya tanah atau bangunan itu yang menghuni atau selainnya menggunakan tanah atau bangunan itu;

(c) seseorang yang sebenarnya menghuni tanah atau bangunan itu atau yang memegang tanggungjawab, mengurus, atau mengawalnya, sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen seorang lain,

tetapi tidak termasuk seseorang penumpang;

"Pengarah Negeri", berhubung dengan suatu Negeri, ertinya Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi Negeri itu;

"penggunaan", berhubung dengan mana-mana tanah, ertinya apa-apa penggunaan tanah selain semata-mata untuk penyimpanan atau penstoran bahan dan kelengkapan yang dicadangkan untuk digunakan dalam pembinaan atau pendirian suatu bangunan di atas tanah itu, atau semata-mata sebagai suatu tempat bagi bangunan sementara untuk kediaman pekerja yang terlibat dalam pembinaan atau pendirian bangunan itu;

"perintah pemeliharaan pokok" ertinya perintah pemeliharaan pokok yang dibuat di bawah seksyen 35A;

"pertanian" termasuklah hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran, atau pokok, penanaman tumbuh-tumbuhan untuk digunakan sebagai makanan binatang, perladangan tenusu, pembiakan dan pemeliharaan ternakan, ikan, atau lebah, dan menggunakan tanah bagi maksud tambahan pada mana-mana kegiatan itu atau pada mana-mana kegiatan pertanian

yang lain; tetapi tidak termasuk menggunakan tanah sebagai sebuah taman untuk digunakan bersama dengan suatu bangunan yang bercantum pada tanah itu; dan "pertanian" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"pihak berkuasa perancang tempatan", berhubung dengan sesuatu kawasan, hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 5 dan, berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya pihak berkuasa perancang tempatan, sebagaimana yang ditafsirkan sedemikian, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak;

"pihak berkuasa tempatan" ertinya mana-mana majlis bandar raya, majlis perbandaran, perbandaran, majlis daerah, majlis bandaran, lembaga bandaran, majlis tempatan, lembaga luar bandar, atau mana-mana pihak berkuasa lain seumpamanya yang ditubuhkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

"rancangan fizikal negara" ertinya rancangan fizikal yang meliputi Semenanjung Malaysia yang disediakan dan diluluskan di bawah seksyen 6B;

"rancangan pemajuan", berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya—

(a) rancangan tempatan bagi kawasan itu; atau

(b) jika tiada rancangan tempatan bagi kawasan itu, rancangan struktur bagi kawasan itu,

dan, berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya rancangan pemajuan, sebagaimana yang ditakrifkan sedemikian, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak;

"rancangan struktur", berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya rancangan struktur bagi kawasan itu, dan apa-apa pengubahan rancangan itu, yang berkuat kuasa dalam kawasan itu menurut subseksyen 10(6); dan, berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya rancangan struktur, sebagaimana yang ditakrifkan sedemikian, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak;

dan "draf rancangan struktur" hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya;

"rancangan tempatan", berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya rancangan tempatan bagi kawasan itu, dan apa-apa pengubahan rancangan itu, yang pada masa ini berkuat kuasa dalam kawasan itu menurut subseksyen 15(1); dan, berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya rancangan tempatan, sebagaimana yang ditakrifkan sedemikian, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak; dan "draf rancangan tempatan" hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya;

"tanah" termasuklah—

(a) permukaan bumi, dan segala benda yang menjadi permukaan bumi;

(b) segala benda di bawah permukaan bumi;

(c) segala tumbuh-tumbuhan dan keluaran semula jadi yang lain, sama ada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, dan sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi;

(d) segala benda, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi, yang bercantum pada bumi atau yang terpasang dengan kekal pada apa-apa benda yang bercantum pada bumi;

(e) tanah yang diliputi air; dan

(f) apa-apa harta atau kepentingan mengenai, atau hak ke atas, tanah;

"tanah lapang" ertinya mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak yang disusun atur atau dirizabkan untuk disusun atur keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam.

(2) Bagi mengelakkan keraguan dalam menentukan, bagi maksud Akta ini, apa yang menjadi suatu perubahan material mengenai penggunaan tanah, maka ditetapkan bahawa—

(a) penggunaan tanah sebagai suatu tempat untuk melonggokkan sampah sarap atau bahan buangan yang adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan tanah itu, walaupun tanah itu mengandungi suatu tapak yang sudahpun digunakan bagi maksud itu, jika keluasan permukaan atau tingginya longgokan itu adalah dengan itu bertambah secara material;

(b) apa-apa penggunaan tanah atau penggunaan sebahagian daripadanya yang berlanggaran atau tidak selaras atau bertentangan dengan mana-mana peruntukan rancangan pemajuan yang adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan tanah itu.

(3) Bagi mengelakkan keraguan dalam menentukan, bagi maksud Akta ini, apa yang menjadi suatu perubahan material mengenai penggunaan suatu bangunan, maka ditetapkan bahawa—

(a) apa-apa penambahan pada bilangan unit dalam suatu bangunan lebih daripada bilangan yang diluluskan pada asalnya oleh mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang memberikan kelulusan itu adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu;

(b) penggunaan suatu rumah tempat tinggal yang bukan pada asalnya dibina untuk kediaman manusia melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu;

(c) apa-apa pengubahan atau tambahan pada bahagian bangunan itu, sama ada di sebelah atau bercantum pada bahagian luar bangunan itu, yang bersempadan dengan apa-apa garisan biasa jalan sebagaimana yang ditetapkan oleh atau ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bangunan adalah

melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu;

(d) apa-apa penggunaan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang berlanggaran atau tidak selaras atau bertentangan dengan mana-mana peruntukan rancangan pemajuan adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu;

(e) penggunaan bagi maksud lain suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang pada asalnya dibina sebagai rumah tempat tinggal melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu.

BAHAGIAN II

DASAR DAN PENTADBIRAN

Majlis Perancang Fizikal Negara

2A. (1) Suatu Majlis Perancang Fizikal Negara hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada—

(a) seorang Pengerusi, iaitu Perdana Menteri;

(b) seorang Timbalan Pengerusi, iaitu Timbalan Perdana Menteri;

(c) Menteri;

(d) Menteri yang bertanggungjawab bagi perumahan dan kerajaan tempatan, jika dia bukan juga Menteri yang bertanggungjawab bagi perancangan bandar dan desa;

(e) Menteri Kewangan;

(f) Menteri yang bertanggungjawab bagi tanah;

(g) Menteri Besar atau Ketua Menteri tiap-tiap Negeri;

(h) Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan; dan

(i) tidak lebih daripada tujuh anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi.

(2) Fungsi Majlis Perancang Fizikal Negara adalah—

(a) untuk menggalakkan di dalam negara, dalam rangka dasar negara, perancangan bandar dan desa sebagai suatu alat yang berkesan dan efisien bagi memperelok persekitaran dari segi fizikal dan ke arah pencapaian suatu pemajuan yang mapan di dalam negara;

(b) untuk menasihati Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri, mengenai perkara yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa yang dikehendaki di bawah Akta ini; dan

(c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada Majlis di bawah Akta ini.

(3) Majlis boleh dari semasa ke semasa memberi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa arahan yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah menguatkuasakan arahan itu.

(4) Majlis boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada apa-apa fungsi yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(5) Majlis hendaklah bermesyuarat sekali tiap-tiap empat bulan dalam suatu tahun dan hendaklah, sebagai tambahan, bermesyuarat jika dan apabila Pengerusi memanggil mesyuarat.

(6) Majlis hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa

2B. (1) Seorang Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah ada yang fungsinya ialah—

(a) untuk menjalankan, menggalakkan dan menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek perancangan bandar dan desa;

(b) untuk menyiarkan laporan, buletin, perangkaan, monograf dan terbitan lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan perkaedahannya;

(c) untuk memberikan maklumat dan pendidikan kepada orang ramai berkenaan dengan perancangan bandar dan desa;

(d) untuk membuat laporan kepada dan menasihati Majlis mengenai perkara yang berkaitan dengan penggunaan perancangan bandar dan desa dalam pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah di dalam negara dan mengenai apa-apa pindaan yang difikirkannya wajar kepada mana-mana undang-undang yang menyentuh perancangan bandar dan desa dan mengenai apa-apa perkara yang dirujukkan oleh Majlis kepadanya;

(e) untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan setiap Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan perancangan bandar dan desa.

(2) Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah menjadi Setiausaha kepada Majlis.

Dasar perancangan am

3. Tertakluk kepada Fasal (5) dan (6) Perkara 91 Perlembagaan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah bertanggungjawab bagi dasar am berkenaan dengan perancangan pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasan tiap-tiap pihak berkuasa

tempatan di dalam Negeri; dan Pihak Berkuasa Negeri boleh, pada atau bagi maksud menunaikan tanggungjawabnya di bawah seksyen ini, dari semasa ke semasa memberikan arahan secara am kepada Jawatankuasa atau mana-mana pihak berkuasa perancang tempatan yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan Jawatankuasa atau pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menguatkuasakan arahan itu.

Jawatankuasa Perancang Negeri dan fungsinya

4. (1) Suatu Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah ditubuhkan bagi Negeri yang terdiri daripada—

(a) seorang Pengerusi, iaitu Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri;

(b) seorang Timbalan Pengerusi, iaitu seorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, yang hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;

(ba) tidak lebih daripada tiga orang anggota yang hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dari kalangan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, yang sekurang-kurangnya seorang daripadanya hendaklah menjadi anggota yang bertanggungjawab bagi dan portfolionya berhubungan dengan perancangan bandar dan desa di dalam Negeri;

(c) Setiausaha Kerajaan Negeri;

(d) Pengarah Negeri, yang hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa;

(e) Pengarah Tanah dan Galian Negeri;

(f) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri atau pegawai yang bertanggungjawab bagi hal ehwal sedemikian di Negeri;

(g) Pengarah Kerja Raya Negeri;

(h) Penasihat Undang-Undang Negeri;

(ha) Pegawai Kewangan Negeri;

(hb) Pegawai Kemajuan Negeri atau pegawai yang bertanggungjawab bagi hal ehwal sedemikian di Negeri;

(hc) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri atau pegawai yang bertanggungjawab bagi hal ehwal sedemikian di Negeri; dan

(i) tidak lebih daripada empat anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Seseorang anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (1)*(b)* atau *(i)* hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya lebih awal atau pelantikannya dibatalkan lebih awal, memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya tetapi adalah layak dilantik semula.

(3) Seseorang anggota Jawatankuasa yang bukan seorang anggota perkhidmatan awam boleh dibayar apa-apa elaun yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Fungsi Jawatankuasa adalah—

(a) untuk menggalakkan dalam Negeri, dalam rangka dasar negara, pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan semua tanah di dalam Negeri;

(aa) untuk mengawal selia, mengawal, merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan di dalam Negeri;

(b) untuk menasihati Kerajaan Negeri, sama ada dengan daya usahanya sendiri atau sebagai menyahut permintaan Kerajaan Negeri, mengenai perkara yang berhubungan dengan pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah di dalam Negeri; dan

(c) untuk mengusahakan, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyenggaraan, dan penyiaran perangkaan, buletin, dan monograf, dan penyiaran lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan perkaedahannya.

(5) Jawatankuasa boleh dari semasa ke semasa memberikan arahan kepada mana-mana pihak berkuasa perancang tempatan yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menguatkuasakan arahan itu.

(6) Jawatankuasa boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain yang menjadi tambahan kepada, bersampingan dengan, atau berbangkit daripada apa-apa fungsi yang dinyatakan dalam subseksyen (4) dan melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(7) Jawatankuasa boleh mengarahkan supaya diadakan suatu siasatan atau pendengaran tempatan pada atau bagi maksud menjalankan mana-mana daripada fungsinya di bawah Akta ini.

(8) Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri hendaklah menjadi penasihat utama kepada Jawatankuasa berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan, sebagai Setiausaha Jawatankuasa, hendaklah bertanggungjawab menjalankan keputusan dan melaksanakan dasar Jawatankuasa; dan dalam atau bagi maksud menunaikan fungsinya di bawah subseksyen ini, dia boleh menggunakan sumber kewangan, manusia dan sumber lain jabatannya.

Pihak berkuasa perancang tempatan

[*]**5.** (1) Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

---

[*]*CATATAN*—Pindaan seksyen ini melalui Akta A1129 tidak menyentuh apa-apa permohonan belum selesai bagi kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan atau apa-apa rayuan terhadap keengganan pihak berkuasa perancang tempatan untuk memberikan kebenaran merancang atau terhadap apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 22(3) Akta ini—*lihat* seksyen 38 Akta A1129.

[*](2) Bagi mana-mana kawasan di dalam Negeri yang tidak menjadi sebahagian daripada kawasan mana-mana pihak berkuasa tempatan, Pengarah Negeri hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan, dan sebutan mengenai "pihak berkuasa perancang tempatan" dalam Akta ini hendaklah disifatkan termasuk Pengarah Negeri apabila Pengarah Negeri itu melaksanakan fungsi pihak berkuasa perancang tempatan berhubung dengan kawasan itu.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1129*).

(4) Suatu pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah memberi kepada Jawatankuasa apa-apa penyata dan maklumat yang berhubungan dengan aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

Fungsi pihak berkuasa perancang tempatan

6. (1) Fungsi suatu pihak berkuasa perancang tempatan adalah—

(a) untuk mengawal selia, mengawal, dan merancang pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasannya;

(b) untuk mengusahakan, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyenggaraan, dan penyiaran perangkaan, buletin, dan monograf, dan penyiaran lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan perkaedahannya; dan

(c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau oleh Jawatankuasa.

(2) Suatu pihak berkuasa perancang tempatan boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain yang menjadi tambahan kepada, bersampingan dengan, atau berbangkit daripada apa-apa fungsi yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dan melakukan semua perkara yang

---

[*]*CATATAN*—Subseksyen ini tidak terpakai bagi Negeri Kelantan dan Terengganu–*lihat* Kn. P.U. 34/2003 dan Tr. G.N. 54/2003.

perlu atau suai manfaat bagi menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IIA

JAWATANKUASA PERANCANG WILAYAH

Jawatankuasa perancang wilayah

[*]**6A.** (1) Majlis boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan, menubuhkan suatu jawatankuasa perancang wilayah yang terdiri daripada sesuatu kawasan yang terletak di dalam dua Negeri atau lebih.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri hendaklah menyebabkan supaya fakta penubuhan suatu jawatankuasa perancang wilayah disiarkan dalam *Warta* bersama dengan tanda yang dengannya sempadan wilayah yang baginya jawatankuasa itu telah ditubuhkan dapat dikenal pasti.

(3) Jawatankuasa perancang wilayah hendaklah terdiri daripada—

(a) seorang Pengerusi, yang dilantik oleh Perdana Menteri;

(b) enam orang mewakili Kerajaan Persekutuan, sekurang-kurangnya empat orang daripadanya hendaklah pegawai awam, yang dilantik oleh Menteri;

(c) tidak lebih daripada empat orang yang mewakili Kerajaan setiap Negeri dalam wilayah itu, yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri, seorang daripadanya hendaklah Pengarah Negeri; dan

(d) Yang Dipertua tiap-tiap pihak berkuasa perancang tempatan dalam wilayah itu jika pihak berkuasa itu ialah pihak berkuasa tempatan.

[*]*CATATAN*—Seksyen ini tidak terpakai bagi Negeri Terengganu–*lihat* Tr. G.N. 54/2003.

(4) Seorang Setiausaha bagi jawatankuasa perancang wilayah yang hendaklah dilantik oleh Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa.

(5) Fungsi jawatankuasa perancang wilayah ialah—

(a) untuk menasihati dan membantu Jawatankuasa Perancang Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan dalam wilayah itu mengenai rancangan pemajuan yang sesuai bagi wilayah itu, mengikut dasar negara;

(b) untuk membuat dasar dan merangka suatu rancangan wilayah yang komprehensif untuk memandu dan menyelaras pemajuan wilayah itu;

(c) untuk merancang dan menyelaras penyediaan infrastruktur dan kemudahan bagi wilayah itu;

(d) untuk mewujudkan proses dan tatacara yang seragam untuk digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa tempatan yang berkenaan bagi wilayah itu;

(e) untuk mengawasi pelaksanaan piawai, garis panduan dan tatacara dalam memudahkan pemajuan wilayah itu; dan

(f) untuk menjalankan penyelidikan yang perlu bagi perancangan wilayah itu.

(6) Jawatankuasa perancang wilayah hendaklah memberi Majlis atau Jawatankuasa apa-apa penyata, laporan dan maklumat yang berhubungan dengan aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

(7) Jawatankuasa perancang wilayah hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

BAHAGIAN IIB

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Rancangan fizikal negara

6B. (1) Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah, apabila diarahkan oleh Majlis, menyediakan dan mengemukakan suatu draf rancangan fizikal negara yang meliputi Semenanjung Malaysia kepada Majlis bagi kelulusannya.

(2) Draf rancangan fizikal negara hendaklah—

(a) merupakan suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar strategik bagi maksud menentukan haluan dan arah aliran am pemajuan fizikal bagi negara;

(b) disertakan dengan apa-apa rancangan petunjuk sebagaimana yang perlu untuk menjelaskan dasar strategik; dan

(c) mengandungi perkara lain sebagaimana yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Majlis dalam mana-mana hal yang tertentu.

(3) Apabila menyediakan draf rancangan fizikal negara dan menentukan kandungannya untuk dikemukakan kepada Majlis, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah menimbangkan dasar pembandaran negara semasa atau dasar lain yang serupa dan hendaklah berunding dengan tiap-tiap Pihak Berkuasa Negeri dan mana-mana pihak berkuasa atau badan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

(4) Rancangan fizikal negara hendaklah dikaji semula tiap-tiap lima tahun seiring dengan kajian semula Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara, atau jika dan apabila diarahkan oleh Majlis.

(5) Adalah menjadi tugas am Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan tiap-tiap Negeri untuk membantu dalam memastikan bahawa matlamat rancangan fizikal negara tercapai.

(6) Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah memberikan laporan kepada Majlis secara berkala mengenai pelaksanaan rancangan fizikal negara, atau jika dan apabila diarahkan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMAJUAN

Tinjauan kawasan perancangan

7. (1) Pengarah Negeri hendaklah, setakat yang dia belum berbuat demikian, memulakan suatu tinjauan ke atas Negeri, memeriksa perkara yang dijangka mungkin menyentuh pemajuan, atau perancangan pemajuan, Negeri itu, dan hendaklah dalam apa-apa keadaan sentiasa mengkaji semula semua perkara itu.

(2) Walaupun Pengarah Negeri telah menjalankan kewajipannya di bawah subseksyen (1), dia boleh, jika difikirkannya patut, dan hendaklah, jika diarahkan berbuat demikian oleh Majlis atau Jawatankuasa, memulakan suatu tinjauan baru keseluruhan Negeri, memeriksa perkara yang disebut dalam subseksyen itu.

(3) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1) dan (2), perkara yang hendak diperiksa dan sentiasa dikaji semula di bawah subseksyen itu hendaklah termasuk—

(a) ciri utama fizikal, ekonomi, alam sekitar, dan sosial, termasuklah penggunaan utama tanah, Negeri itu dan, setakat ciri utama yang mungkin dijangka menyentuh kawasan berjiran Negeri itu;

(aa) rancangan fizikal negara dan dasar utama negara mengenai ekonomi, sosial, fizikal dan pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar yang lain;

(b) bilangan, komposisi, dan taburan penduduk Negeri itu, sama ada menetap atau tidak;

(c) tanpa menyentuh perenggan *(a)*, perhubungan, sistem pengangkutan, dan lalu lintas di Negeri itu dan, setakat yang perhubungan, sistem pengangkutan, dan lalu lintas yang mungkin dijangka menyentuh Negeri itu;

(d) apa-apa perkara yang tidak disebut dalam mana-mana perenggan terdahulu yang mungkin dijangka menyentuh apa-apa perkara yang disebut dalam mana-mana perenggan terdahulu;

(e) perkara lain yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Majlis atau Jawatankuasa dalam mana-mana hal; dan

(f) apa-apa perubahan yang telahpun dirancangkan dalam apa-apa perkara yang disebut dalam mana-mana perenggan terdahulu dan kesan yang mungkin berlaku ke atas pemajuan, atau perancangan pemajuan, Negeri itu.

(4) Pengarah Negeri hendaklah, bagi maksud menunaikan fungsinya di bawah seksyen ini, berunding dengan Pengarah Negeri mana-mana Negeri yang lain mengenai perkara yang berhubungan dengan kawasan Negeri yang lain itu yang dijangka akan menyentuh pemajuan atau perancangan pemajuan Negeri itu berkenaan dengan tinjauan yang dimulakan di bawah seksyen ini.

(5) Subseksyen (1) hendaklah, berkenaan dengan apa-apa tempoh yang seksyen ini berkuat kuasa dalam suatu bahagian sahaja dalam Negeri itu, ditafsirkan sebagai menghendaki Pengarah Negeri itu memulakan suatu tinjauan ke atas, dan sentiasa mengkaji semula, perkara yang menyentuh bahagian itu sahaja dalam Negeri itu; dan subseksyen (2) hendaklah, sama ada atau tidak seksyen ini berkuat kuasa di seluruh Negeri itu, berkuat kuasa seolah-olah kuasa yang diberikan itu termasuk kuasa untuk Pengarah Negeri itu untuk memulakan, dan untuk Majlis atau Jawatankuasa itu mengarahkannya memulakan, suatu tinjauan baru ke atas suatu bahagian Negeri itu sahaja; dan rujukan dalam subseksyen (3) kepada Negeri itu atau kepada kawasan berjiran hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Penyediaan draf rancangan struktur

8. (1) Pengarah Negeri hendaklah, dalam tempoh yang ditentukan oleh Majlis atau Jawatankuasa, menyediakan dan mengemukakan kepada Jawatankuasa suatu laporan tinjauannya di bawah seksyen 7 dan pada masa yang sama menyediakan dan mengemukakan suatu draf rancangan struktur menurut subseksyen (3) bagi Negeri itu kepada Jawatankuasa bagi kelulusannya.

(2) Laporan itu hendaklah termasuk suatu anggaran apa-apa perubahan yang mungkin berlaku, dalam tempoh yang ditentukan oleh Majlis atau Jawatankuasa, dalam perkara yang disebut dalam subseksyen 7(3); dan tempoh yang berlainan boleh ditentukan berhubung dengan perkara yang berlainan.

(3) Draf rancangan struktur bagi Negeri itu adalah suatu pernyataan bertulis—

(a) yang merumuskan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri itu berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di dalam Negeri itu, termasuklah langkah untuk memperelok persekitaran hidup dari segi fizikal, memperelok perhubungan, menguruskan lalu lintas, memperelok kesejahteraan sosio-ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, dan untuk memudahkan pemajuan yang mapan;

(b) yang menyatakan pertalian cadangan itu dengan cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan berjiran yang mungkin dijangka menyentuh kawasan itu; dan

(c) yang mengandungi perkara lain sebagaimana yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Majlis atau Jawatankuasa dalam mana-mana hal.

(4) Dalam merumuskan dasar dan cadangan am di bawah perenggan (3)*(a)*, Pengarah Negeri hendaklah memastikan bahawa dasar dan cadangan itu adalah berpatutan dengan hasil tinjauannya di

bawah seksyen 7 dan dengan apa-apa maklumat lain yang mungkin didapatinya, dan hendaklah memberi perhatian—

(a) kepada dasar semasa berkenaan dengan perancangan sosial dan ekonomi serta pembangunan dan perlindungan alam sekitar Negeri dan negara;

(b) kepada sumber yang mungkin boleh didapati untuk menjalankan cadangan rancangan struktur itu; dan

(c) kepada perkara lain yang dia diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa supaya mengambil kira.

(5) (*Dipotong oleh Akta A1129*).

(6) Suatu draf rancangan struktur bagi sesuatu kawasan hendaklah mengandungi atau disertakan dengan gambar rajah, gambaran, dan bahan perihalan yang difikirkan sesuai oleh Pengarah Negeri untuk maksud menjelaskan atau menerangkan cadangan dalam rancangan itu, atau yang ditetapkan, atau dalam mana-mana hal tertentu ditentukan dalam arahan yang diberikan oleh Majlis atau Jawatankuasa; dan gambar rajah, gambaran, dan bahan perihalan itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada rancangan itu.

(7) Pada bila-bila masa sebelum Jawatankuasa meluluskan di bawah seksyen 10 suatu rancangan struktur berkenaan dengan keseluruhan Negeri itu, Pengarah Negeri boleh, dengan keizinan Jawatankuasa, dan hendaklah, jika diarahkan sedemikian olehnya, menyediakan dan mengemukakan kepada Jawatankuasa untuk mendapat kelulusannya suatu draf rancangan struktur yang berhubungan dengan sebahagian daripada kawasan itu; dan jika Jawatankuasa telah memberikan keizinan atau arahan untuk penyediaan suatu draf rancangan struktur bagi sebahagian daripada kawasan itu, rujukan dalam Bahagian ini kepada kawasan itu hendaklah, berhubung dengan suatu draf rancangan struktur, ditafsirkan sebagai termasuk rujukan kepada sebahagian daripada kawasan itu.

Publisiti berkaitan dengan penyediaan draf rancangan struktur

9. (1) Apabila menyediakan draf rancangan struktur bagi Negeri dan akhirnya menentukan kandungannya untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa, Pengarah Negeri hendaklah mengambil langkah yang pada pendapatnya akan memastikan—

(a) bahawa publisiti diberikan di dalam Negeri kepada laporan tinjauan di bawah seksyen 7 dan kepada perkara yang dicadangkannya untuk dimasukkan dalam rancangan itu; dan

(b) bahawa orang yang mungkin dijangka ingin mendapatkan peluang untuk membuat representasi kepada Pengarah Negeri itu berkenaan dengan perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi, peluang untuk berbuat demikian,

dan Pengarah Negeri hendaklah menimbangkan tiap-tiap representasi yang dibuat kepadanya dalam tempoh yang ditetapkan.

(2) Secepat yang dapat dilaksanakan selepas suatu draf rancangan struktur dikemukakan kepada Jawatankuasa, Pengarah Negeri hendaklah—

(a) menyiarkan, dalam tiga keluaran daripada sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan, suatu notis yang menyatakan bahawa salinan rancangan itu boleh didapati untuk diperiksa di pejabat Pengarah Negeri dan di tempat lain yang ditentukannya dan masa yang bantahan terhadap rancangan itu boleh dibuat kepada Jawatankuasa; dan

(b) menyediakan salinan rancangan itu untuk diperiksa di tempat yang dinyatakan dalam notis itu; dan setiap salinan hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan mengenai masa, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, yang bantahan terhadap rancangan itu boleh dibuat kepada Jawatankuasa.

(3) Masa yang bantahan terhadap draf rancangan struktur itu boleh dibuat hendaklah tidak kurang daripada satu bulan dari tarikh notis itu mula dikeluarkan di bawah perenggan (2)*(a)* dalam sesuatu akhbar tempatan dalam bahasa kebangsaan, dan apa-apa masa yang dinyatakan dalam notis itu boleh dilanjutkan sekali oleh Pengarah Negeri selama tidak melebihi satu bulan untuk faedah mana-mana pembantah yang tertentu.

(4) Suatu draf rancangan struktur yang dikemukakan oleh Pengarah Negeri kepada Jawatankuasa untuk mendapatkan kelulusannya hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir, jika ada, yang ditetapkan—

(a) mengenai langkah yang telah diambil oleh Pengarah Negeri untuk mematuhi subseksyen (1); dan

(b) mengenai perundingan Pengarah Negeri dengan, dan pertimbangannya atas pandangan, orang lain berkenaan dengan perkara yang dimasukkan, atau yang pada asalnya dicadangkan untuk dimasukkan, dalam rancangan itu.

(5) Jika, selepas menimbangkan pernyataan yang dikemukakan dengan, dan perkara yang dimasukkan dalam, draf rancangan struktur itu dan apa-apa maklumat lain yang diberikan oleh Pengarah Negeri, Jawatankuasa berpuas hati bahawa maksud perenggan (1)*(a)* dan *(b)* telah dicapai dengan secukupnya melalui langkah yang diambil oleh Pengarah Negeri itu menurut perenggan itu, ia hendaklah terus menimbangkan sama ada hendak meluluskan draf rancangan struktur itu; dan jika ia tidak berpuas hati sedemikian, ia hendaklah mengembalikan rancangan itu kepada Pengarah Negeri dan mengarahkannya supaya—

(a) mengambil tindakan selanjutnya yang ditentukan oleh Jawatankuasa untuk mencapai maksud itu dengan lebih baik; dan

(b) selepas berbuat demikian, mengemukakan semula rancangan itu dengan apa-apa ubah suaian, jika ada, yang difikirkan sesuai pada masa itu oleh Pengarah Negeri itu

dan, jika dikehendaki sedemikian oleh arahan itu, berbuat demikian dalam tempoh yang ditentukan,

tetapi Jawatankuasa tidak boleh mengembalikan rancangan itu atau memberikan arahan itu jika telah genap tiga bulan semenjak Pengarah Negeri mengemukakan rancangan itu kepada Jawatankuasa.

(6) Jika Jawatankuasa mengembalikan draf rancangan struktur itu kepada Pengarah Negeri itu di bawah subseksyen (5), ia hendaklah memberitahu Pengarah Negeri akan sebab ia berbuat demikian dan, jika mana-mana orang telah membuat apa-apa bantahan kepada Jawatankuasa terhadap rancangan itu, ia hendaklah juga memberitahu orang itu bahawa ia telah mengembalikan rancangan itu.

(7) Jika Pengarah Negeri diberi arahan oleh Jawatankuasa di bawah subseksyen (5), dia hendaklah menarik balik dengan serta-merta salinan rancangan yang disediakan untuk diperiksa sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (2) dan dia hendaklah menyiarkan fakta tentang penarikan balik itu dalam tiga keluaran daripada sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya adalah dalam bahasa kebangsaan.

(8) Subseksyen (2) hingga (7) hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, berhubung dengan draf rancangan struktur yang dikemukakan semula kepada Jawatankuasa mengikut arahan yang diberikan olehnya di bawah subseksyen (5) sebagaimana subseksyen itu terpakai berhubung dengan rancangan itu seperti yang dikemukakan pada asalnya.

Kelulusan atau penolakan draf rancangan struktur oleh Jawatankuasa

10. (1) Jawatankuasa boleh, selepas menimbangkan suatu draf rancangan struktur yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya, sama ada meluluskannya, keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan dengan atau tanpa ubah suaian atau syarat-syarat, atau menolaknya.

(2) Dalam menimbangkan draf rancangan struktur itu, Jawatankuasa boleh mengambil kira apa-apa perkara yang difikirkannya berkaitan, sama ada atau tidak ia telah diambil kira dalam rancangan itu seperti yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya.

(3) Jika, pada masa menimbangkan draf rancangan struktur itu, Jawatankuasa tidak memutuskan untuk menolaknya, ia hendaklah, sebelum memutuskan sama ada hendak meluluskannya atau tidak—

(a) menimbangkan apa-apa bantahan terhadap rancangan itu, setakat bantahan itu dibuat mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 17;

(b) memberikan kepada orang yang bantahannya dibuat sedemikian tidak ditarik balik, peluang untuk hadir di hadapan, dan didengar oleh, suatu jawatankuasa kecil yang dilantik oleh Jawatankuasa, dan yang terdiri daripada empat orang ahli Jawatankuasa seorang daripadanya hendaklah dilantik menjadi pengerusi jawatankuasa kecil itu; dan

(c) jika suatu siasatan tempatan atau pendengaran lain diadakan, memberikan juga peluang yang sama kepada Pengarah Negeri dan kepada orang lain yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (3), dalam menimbangkan suatu draf rancangan struktur, Jawatankuasa—

(a) hendaklah berunding dengan Majlis bagi mendapatkan arahan dan nasihatnya; dan

(b) boleh berunding dengan, atau menimbangkan pandangan, mana-mana pihak berkuasa lain atau mana-mana orang lain tetapi tidaklah bertanggungan untuk berunding dengan, atau menimbangkan pandangan, mana-mana pihak berkuasa lain atau mana-mana orang lain atau, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen itu, memberikan peluang untuk membuat apa-apa

bantahan atau representasi lain, atau mengarahkan supaya diadakan suatu siasatan tempatan atau pendengaran lain.

(5) Jika Jawatankuasa tidak atau telah mengabaikan untuk meluluskan atau menolak suatu draf rancangan struktur dalam masa enam bulan selepas ia dikemukakan kepadanya, Pengarah Negeri boleh merujukkan draf rancangan struktur itu kepada Majlis untuk membuat keputusan mengenainya.

(6) Setelah meluluskan draf rancangan struktur itu, Jawatankuasa hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri bagi rancangan itu, dan setelah persetujuan diberikan, rancangan itu hendaklah berkuat kuasa.

(7) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya fakta persetujuan Pihak Berkuasa Negeri bagi suatu draf rancangan struktur disiarkan dalam *Warta* Negeri dan sekurang-kurangnya dalam dua akhbar tempatan, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan, bersama dengan tanda yang dengannya rancangan itu dikenal pasti dan suatu pernyataan mengenai tempat rancangan itu boleh diperiksa.

Kajian semula atau pengubahan rancangan struktur

11. (1) Suatu rancangan struktur yang telah mula berkuat kuasa hendaklah tertakluk kepada kajian semula tiap-tiap lima tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun Negeri, dan kajian semula itu hendaklah berhubungan dengan seluruh Negeri itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), selepas suatu rancangan struktur bagi suatu Negeri telah mula berkuat kuasa, Pengarah Negeri itu boleh mengemukakan kepada Jawatankuasa dan hendaklah, jika diarahkan sedemikian oleh Jawatankuasa, mengemukakan kepadanya, dalam tempoh yang ditentukan dalam arahan itu, cadangan bagi kajian semula atau pengubahan kepada rancangan itu yang pada fikiran Pengarah Negeri suai manfaat atau sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan cadangan itu boleh berhubungan dengan keseluruhan atau sebahagian Negeri itu.

Tatacara kajian semula rancangan struktur

11A. Jika diputuskan di bawah seksyen 11 bahawa suatu kajian semula rancangan struktur bagi suatu Negeri akan diadakan, Pengarah Negeri hendaklah mengemukakan kepada Jawatankuasa suatu laporan hasil kajian semulanya mengenai perkara yang berkaitan di bawah seksyen 7 bersama dengan apa-apa maklumat lain yang padanya cadangan itu diasaskan, dan seksyen 9 dan 10 hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, berhubung dengan cadangan itu sebagaimana seksyen itu terpakai berhubung dengan rancangan struktur itu.

Tatacara bagi pengubahan rancangan struktur

11B. (1) Jika diputuskan di bawah seksyen 11 bahawa suatu pengubahan akan dibuat kepada rancangan struktur bagi Negeri itu, Pengarah Negeri hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Jawatankuasa cadangan bagi pengubahan itu.

(2) Dalam merumuskan cadangan bagi pengubahan itu, Pengarah Negeri hendaklah memberikan perhatian kepada apa-apa perkara yang diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa.

(3) Pengarah Negeri hendaklah mengemukakan rancangan struktur yang mengandungi cadangan pengubahan kepada Jawatankuasa dan pada masa yang sama menyiarkan suatu notis dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan, menyatakan bahawa salinan rancangan itu tersedia untuk diperiksa dan bahawa bantahan boleh dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyiaran itu.

(4) Jawatankuasa hendaklah melantik suatu jawatankuasa kecil yang terdiri daripada empat orang anggota Jawatankuasa, seorang daripadanya hendaklah dilantik menjadi pengerusi jawatankuasa kecil itu, dan jawatankuasa kecil hendaklah mendengar tiap-tiap bantahan yang dibuat mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 17.

(5) Jawatankuasa kemudiannya hendaklah menimbangkan pengubahan yang dicadangkan kepada rancangan struktur, dan sama

ada meluluskannya, secara keseluruhan atau sebahagiannya dan dengan atau tanpa ubah suaian, atau menolaknya.

(6) Jawatankuasa hendaklah mengemukakan rancangan struktur yang diubah yang telah diluluskan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi persetujuan Pihak Berkuasa Negeri mengenai rancangan itu, dan apabila persetujuan itu diberikan, rancangan struktur yang diubah itu hendaklah berkuat kuasa.

(7) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan fakta persetujuan Pihak Berkuasa Negeri tentang rancangan struktur yang diubah itu disiarkan dalam *Warta* Negeri.

Penyediaan draf rancangan tempatan

12. (1) Pihak berkuasa perancang tempatan, semasa suatu draf rancangan struktur sedang disediakan, atau sebelum Pihak Berkuasa Negeri memberikan persetujuan mengenai suatu draf rancangan struktur yang telah disediakan, boleh, jika difikirkannya wajar, menyediakan suatu draf rancangan tempatan bagi mana-mana bahagian kawasannya.

(2) Jika suatu rancangan struktur bagi Negeri telah berkuat kuasa, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan suatu draf rancangan tempatan bagi seluruh kawasannya.

(3) Suatu draf rancangan tempatan hendaklah mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis dan hendaklah—

(a) merumuskan, yang mengandungi apa-apa perincian yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan mengenai cadangannya bagi—

(i) memajukan;

(ii) menggunakan tanah dalam;

(iii) melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal bagi;

(iv) memelihara topografi semula jadi;

(v) memperelok lanskap;

(vi) memelihara dan menanam pokok dalam;

(vii) mengadakan tanah lapang dalam;

(viii) memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan dalam;

(ix) memperelok sistem komunikasi dalam; dan

(x) menguruskan lalu lintas dalam,

kawasan rancangan tempatan; dan

(b) mengandungi perkara yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa dalam apa-apa hal yang tertentu.

(4) Suatu draf rancangan tempatan bagi sesuatu kawasan hendaklah mengandungi, atau disertakan dengan, gambar rajah, gambaran, dan bahan perihalan yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk maksud menjelaskan atau menerangkan cadangan dalam rancangan itu, atau yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, atau dalam apa-apa hal tertentu ditentukan dalam arahan yang diberikan oleh Jawatankuasa; dan gambar rajah, gambaran, dan bahan perihalan itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada rancangan itu.

(5) (*Dipotong oleh Akta A1129*).

(6) Tanpa menyentuh peruntukan seksyen ini yang terdahulu, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, jika Jawatankuasa memberikan ia arahan bagi maksud itu berkenaan dengan sebahagian daripada kawasan pihak berkuasa perancang tempatan itu yang

baginya suatu draf rancangan struktur telah, atau sedang disediakan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan bagi bahagian itu suatu draf rancangan tempatan daripada jenis yang dinyatakan dalam arahan itu.

(7) Arahan di bawah subseksyen (6) boleh diberikan oleh Jawatankuasa sama ada sebelum atau selepas draf rancangan struktur itu berkuat kuasa.

(8) Dalam merumuskan cadangannya dalam suatu draf rancangan tempatan, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah memastikan bahawa cadangan itu pada amnya menurut rancangan struktur bagi Negeri itu sebagaimana keadaannya pada masa ini, sama ada ia telah berkuat kuasa atau belum, dan hendaklah memberikan perhatian kepada apa-apa maklumat dan pertimbangan lain yang pada pendapatnya berkaitan, atau yang ditetapkan, atau yang Jawatankuasa dalam apa-apa hal tertentu mengarahkan ia mengambil kira.

(9) Sebelum memberikan apa-apa arahan di bawah subseksyen (8) kepada suatu pihak berkuasa perancang tempatan, Jawatankuasa hendaklah berunding dengan pihak berkuasa perancang tempatan itu mengenai arahan yang dicadangkan itu.

Publisiti berkaitan dengan penyediaan draf rancangan tempatan

12A. Sebelum memulakan penyediaan suatu rancangan tempatan, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengambil apa-apa langkah yang pada pendapatnya akan memastikan—

(a) bahawa publisiti diberikan di dalam kawasannya mengenai draf rancangan tempatan yang akan disediakan, matlamatnya dan maksud bagi penyediaannya, dan perkara yang pihak berkuasa perancang tempatan bercadang untuk memasukkannya ke dalam rancangan itu;

(b) bahawa orang yang mungkin dijangkakan ingin mendapatkan peluang untuk membuat representasi kepada pihak berkuasa perancang tempatan itu berkenaan dengan

perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi, peluang untuk berbuat demikian.

Publisiti berkaitan dengan draf rancangan tempatan

13. (1) Apabila pihak berkuasa perancang tempatan telah menyediakan draf rancangan tempatan, ia hendaklah, sebelum menerima pakainya di bawah subseksyen 15(1), tetapi tidak sebelum rancangan struktur, setakat ia terpakai bagi kawasan draf rancangan tempatan itu, berkuat kuasa, dan tertakluk kepada subseksyen (2), menyediakan salinan draf rancangan tempatan itu untuk diperiksa di pejabatnya dan di tempat lain yang ditentukannya; dan setiap salinan yang disediakan untuk diperiksa hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan mengenai masa, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang disiarkan di bawah subseksyen (2), yang bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf rancangan tempatan itu boleh dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan.

(2) Sebelum menyediakan salinan draf rancangan tempatan untuk diperiksa di bawah subseksyen (1), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyiarkan, dalam tiga keluaran daripada sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan, suatu notis yang menyatakan tarikh salinan draf rancangan tempatan itu akan mula tersedia untuk diperiksa, tempat di mana ia akan tersedia untuk diperiksa dan masa, yang hendaklah tidak kurang daripada empat minggu dari tarikh salinan draf rancangan tempatan itu mula tersedia untuk diperiksa, yang bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf rancangan tempatan itu boleh dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan.

(3) Masa yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (2) bagi membuat bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf rancangan tempatan boleh dilanjutkan sekali oleh pihak berkuasa perancang tempatan selama tidak lebih daripada empat minggu atas permohonan mana-mana orang.

Siasatan dan pendengaran berkenaan dengan draf rancangan tempatan

14. (1) Bagi maksud menimbangkan bantahan terhadap dan representasi berkenaan dengan sesuatu draf rancangan tempatan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh mengarahkan supaya suatu siasatan tempatan atau pendengaran lain diadakan oleh suatu jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui kaedah-kaedah—

(a) membuat peruntukan berkenaan dengan pelantikan dan kelayakan bagi pelantikan orang untuk mengadakan siasatan tempatan atau pendengaran lain di bawah subseksyen (1);

(b) membuat peruntukan berkenaan dengan saraan dan elaun orang yang dilantik untuk mengadakan siasatan tempatan atau pendengaran lain di bawah subseksyen itu.

Kelulusan atau penolakan draf rancangan tempatan

15. (1) Selepas tamat tempoh yang diberikan untuk membuat bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf rancangan tempatan atau, jika bantahan atau representasi itu telah dibuat dengan sewajarnya dalam tempoh itu, selepas menimbangkan bantahan atau representasi itu, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengemukakan draf rancangan tempatan itu atau draf rancangan tempatan itu sebagaimana yang diubahsuaikan dengan tujuan untuk mengambil kira bantahan atau representasi itu atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya, kepada Jawatankuasa bagi kelulusannya.

(1A) Jawatankuasa boleh, selepas menimbangkan suatu draf rancangan tempatan yang dikemukakan kepadanya, sama ada meluluskannya, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan dengan atau tanpa ubah suaian, atau menolaknya.

(1B) Dalam menimbangkan draf rancangan tempatan itu, Jawatankuasa boleh mengambil kira apa-apa perkara yang difikirkannya berkaitan, sama ada atau tidak perkara itu telah diambil kira dalam rancangan itu seperti yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya.

(1C) Jawatankuasa hendaklah mengemukakan draf rancangan tempatan yang telah diluluskan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, dan apabila persetujuan diberikan, rancangan itu hendaklah berkuat kuasa.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1129*).

(3) (*Dipotong oleh Akta A1129*).

(4) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengarahkan supaya fakta persetujuan Pihak Berkuasa Negeri mengenai draf rancangan tempatan disiarkan dalam *Warta* Negeri dan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan, bersama dengan tanda yang dengannya rancangan itu boleh dikenal pasti dan dengan suatu pernyataan mengenai tempat di mana rancangan itu boleh diperiksa.

(5) Rancangan tempatan hendaklah menepati rancangan struktur tetapi jika pada bila-bila masa selepas suatu rancangan tempatan telah berkuat kuasa terdapat perbezaan dalam peruntukan antara rancangan tempatan dengan rancangan struktur bagi Negeri itu, dan Jawatankuasa berpuas hati bahawa ini disebabkan oleh rancangan struktur Negeri itu telah ketinggalan zaman, Jawatankuasa hendaklah merujukkan perbezaan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi keputusannya.

(6) Jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa perbezaan itu memang disebabkan oleh rancangan struktur Negeri itu telah ketinggalan zaman, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta* Negeri, mengisytiharkan bahawa rancangan tempatan itu hendaklah mengatasi rancangan struktur berkaitan dengan peruntukan yang berkenaan itu.

Pengubahan, pembatalan dan penggantian rancangan tempatan

16. (1) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan.

(2) Tanpa menyentuh subseksyen (1), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, jika Jawatankuasa memberikan ia arahan bagi maksud itu berkenaan dengan suatu rancangan tempatan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan cadangan daripada jenis yang dinyatakan dalam arahan itu, iaitu cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian rancangan itu.

(3) Subseksyen 12(8) dan (9), dan seksyen 13, 14 dan 15, hendaklah terpakai berhubung dengan pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan di bawah seksyen ini dan berkenaan dengan apa-apa pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu yang berikutnya, sebagaimana ia terpakai berhubung dengan penyediaan draf rancangan tempatan di bawah seksyen 12 dan berhubung dengan draf rancangan tempatan yang disediakan di bawahnya.

Penyediaan, dsb., rancangan tempatan oleh Pengarah Negeri

16A. (1) Jika Jawatankuasa berpuas hati bahawa pihak berkuasa perancang tempatan telah tidak mengambil langkah untuk menyediakan suatu rancangan tempatan atau cadangan bagi pengubahan, pembatalan atau penggantian sesuatu rancangan tempatan, Jawatankuasa boleh mengarahkan Pengarah Negeri menyediakan rancangan atau cadangan itu dan perbelanjaan yang dilakukan berkaitan dengan penyediaan itu hendaklah dibayar oleh pihak berkuasa perancang tempatan kepada Pengarah Negeri.

(2) Seksyen 12, 13, 14, 15 dan 16 hendaklah terpakai berhubung dengan penyediaan suatu rancangan tempatan atau pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu rancangan tempatan di bawah seksyen ini.

Rancangan kawasan khas

16B. (1) Jika pada bila-bila masa semasa penyediaan atau apabila mula berkuat kuasanya sesuatu rancangan struktur atau rancangan tempatan, Pengarah Negeri atau pihak berkuasa perancang tempatan, atas daya usahanya sendiri atau sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa, boleh mengemukakan kepada Jawatankuasa cadangan bagi penetapan suatu kawasan khas bagi pengolahan khas dan terperinci dengan cara pemajuan, pemajuan semula, pengelokan, pemuliharaan atau amalan pengurusan, atau sebahagiannya dengan satu kaedah dan sebahagian lagi dengan kaedah yang lain, bagi keseluruhan atau sebahagian kawasan khas itu, dan jenis pengolahan yang dicadangkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Jawatankuasa hendaklah menentukan sama ada Pengarah Negeri atau pihak berkuasa perancang tempatan yang bertanggungjawab menyediakan suatu rancangan bagi kawasan khas itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), rancangan bagi sesuatu kawasan khas hendaklah disediakan dengan cara yang sama sebagaimana penyediaan rancangan tempatan, tetapi hendaklah dimasukkan ke dalam rancangan itu panduan yang terperinci bagi pelaksanaan dan pengurusannya, dan rancangan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa seperti suatu rancangan tempatan.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

17. Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menjalankan maksud Bahagian ini dengan lebih baik atau untuk menetapkan apa-apa yang mungkin, atau yang dikehendaki, ditetapkan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

KAWALAN PERANCANGAN

Penggunaan tanah dan bangunan

18. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut rancangan tempatan.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi penggunaan tanah atau bangunan bagi maksud yang diperihalkan dalam perenggan 19(2)*(d)*.

(3) Subseksyen (1) tidak menyentuh pelanjutan penggunaan mana-mana tanah atau bangunan bagi maksud dan setakat mana ia telah digunakan secara sah sebelum tarikh suatu rancangan tempatan mula berkuat kuasa dalam kawasan yang berkenaan atau, jika ada perubahan rancangan tempatan atau dalam suatu rancangan tempatan, tarikh perubahan itu berkuat kuasa.

Larangan terhadap pemajuan tanpa kebenaran merancang

19. (1) Tiada seorang pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3).

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), kebenaran merancang tidak perlu—

(a) bagi penjalanan apa-apa kerja yang perlu bagi penyenggaraan, pengelokan, atau apa-apa pengubahan lain bagi sesuatu bangunan, iaitu kerja yang menyentuh hanya bahagian dalaman bangunan itu dan yang tidak—

(i) melibatkan apa-apa perubahan tentang penggunaan bangunan itu atau tanah yang kepadanya bangunan itu bercantum;

(ii) menyentuh secara material rupa di sebelah luar bangunan itu;

(iii) melibatkan apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai bangunan;

(iv) melibatkan apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menyentuh atau mungkin menyentuh susunan saliran, kebersihan, atau keteguhannya; atau

(v) melanggar, atau terlibat dalam atau mengakibatkan ketidakselarasan dengan, mana-mana peruntukan dalam rancangan tempatan;

(b) bagi penjalanan oleh mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang untuk mengadakan kemudahan apa-apa kerja bagi maksud memasang, memeriksa, memperbaiki, atau memperbaharui mana-mana parit, pembetung, sesalur, paip, kabel, atau radas lain, atau bagi maksud menyenggara atau memperbaiki jalan, termasuk memecah mana-mana jalan atau tanah bagi maksud itu;

(c) bagi apa-apa penggalian, termasuklah penggalian telaga atau untuk telaga, yang dibuat dalam penjalanan biasa pengendalian pertanian dalam kawasan yang dizonkan untuk pertanian;

(d) bagi penggunaan mana-mana tanah atau bangunan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu bulan atau tempoh yang lebih lanjut yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi maksud—

(i) suatu panggung wayang, panggung, atau pertunjukan sementara atau bergerak;

(ii) suatu taman hiburan, pesta ria atau pameran sementara; atau

(iii) suatu istiadat atau kebesaran sementara yang bercorak agama, sosial atau lain,

dan bagi apa-apa pemajuan yang perlu untuk menghasilkan penggunaan itu;

(e) bagi pembinaan atau pendirian di atas mana-mana tanah bangunan sementara untuk menampung pekerja yang terlibat dalam pembinaan atau pendirian suatu bangunan di atas tanah, yang baginya kebenaran untuk merancang telah diberikan;

(f) bagi penggunaan mana-mana tanah atau bangunan dalam perkarangan suatu rumah tempat tinggal bagi apa-apa maksud yang bersampingan dengan menikmati rumah tempat tinggal itu sedemikian; atau

(g) bagi pembuatan apa-apa perubahan secara material kepada penggunaan tanah atau bangunan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai suatu perubahan material yang baginya kebenaran untuk merancang tidak perlu.

Larangan terhadap pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang

20. Tiada seorang pun boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan selain menurut kebenaran merancang yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 berkenaan dengan pemajuan itu atau syarat-syarat kebenaran merancang itu.

Kewajipan untuk berunding

20A. Menjadi kewajipan tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan Jawatankuasa mengenai apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadang untuk dijalankan di dalam Negeri itu.

Permohonan untuk kebenaran merancang

21. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan dan hendaklah dalam bentuk dan hendaklah mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan, dan fi yang ditetapkan.

(2) Jika pemohon itu bukan pemunya tanah yang di atasnya pemajuan hendak dijalankan, keizinan bertulis pemunya tanah mengenai pemajuan yang dicadangkan itu hendaklah diperoleh dan dicatatkan dalam permohonan itu.

(3) Jika pemajuan itu melibatkan pendirian suatu bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan bertulis kepada pemohon itu berkenaan dengan mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu—

(a) aras tapak bangunan itu;

(b) garisan hadapan dengan bangunan yang berjiran;

(c) penaikan bangunan itu;

(d) kelas, reka bentuk, dan rupa bangunan itu;

(e) bahagian belakang bangunan itu ke suatu garisan bangunan;

(f) laluan masuk ke tanah yang di atasnya bangunan itu akan didirikan; dan

(g) apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi maksud perancangan.

(4) Pemohon yang diberikan apa-apa arahan bertulis di bawah subseksyen (3) hendaklah meminda pelan yang dikemukakan dengan permohonannya itu dengan sewajarnya dan mengemukakan semula pelan itu dalam tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(5) Jika pelan itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan itu, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi pemohon itu boleh mengemukakan permohonan baru.

(6) Jika pemajuan yang dicadangkan itu bertempat di sesuatu kawasan yang berkenaan dengannya tidak ada rancangan tempatan pada masa itu, maka, setelah menerima permohonan untuk kebenaran merancang, atau, jika arahan telah diberikan di bawah subseksyen (3), setelah dipatuhi arahan itu, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada pemunya tanah berjiran, memberitahu mereka akan hak mereka untuk membantah permohonan itu dan untuk menyatakan alasan bagi bantahan mereka dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh notis itu disampaikan.

(7) Jika ada bantahan yang diterima menurut subseksyen (6), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas tamatnya tempoh bantahan boleh dibuat, mendengar—

(a) pemohon untuk kebenaran merancang itu; dan

(b) mana-mana orang yang telah memasukkan bantahan menurut subseksyen (6) dan yang, dalam memasukkan bantahan itu, telah meminta suatu pendengaran.

(8) Dalam seksyen ini, "tanah berjiran" ertinya—

(a) tanah yang bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan di bawah seksyen ini;

(b) tanah yang dipisahkan dari tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini oleh mana-mana jalan, lorong, parit atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi 20 meter dan yang akan bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan permohonan itu jika tidak kerana dipisahkan oleh jalan, lorong, parit atau tanah rizab itu;

(c) tanah yang terletak dalam jarak 200 meter dari sempadan tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan di bawah seksyen ini jika jalan masuk ke tanah yang berhubungan dengan permohonan itu ialah jalan mati yang digunakan oleh pemunya tanah itu dan pemunya tanah yang berhubungan dengan permohonan itu.

Laporan cadangan pemajuan

21A. (1) Sebagai tambahan kepada dokumen dan pelan yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah subseksyen 21(1) untuk kebenaran merancang, pemohon hendaklah mengemukakan suatu laporan cadangan pemajuan yang hendaklah mengandungi yang berikut:

(a) konsep dan justifikasi pemajuan;

(b) peta lokasi dan pelan tapak;

(c) butir-butir hak milik tanah dan sekatan, jika ada;

(d) (i) perihal tanah termasuk alam sekitar dari segi fizikal, topografi, lanskap, geologi, kontur, saliran, air dan tadahan air dan bentuk semula jadi di atasnya;

(ii) suatu tinjauan pokok dan semua jenis tumbuhtumbuhan; dan

(iii) butir-butir bangunan,

yang berkemungkinan disentuh oleh pemajuan itu;

(e) analisis guna tanah dan kesannya terhadap tanah yang bersempadan;

(f) pelan susun atur yang mengandungi butir-butir yang ditentukan dalam seksyen 21B; dan

(g) apa-apa perkara lain yang ditetapkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(1A) Pihak Berkuasa Negeri boleh menentukan bahawa laporan cadangan pemajuan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan kategori tertentu pemajuan hendaklah termasuk sesuatu analisis mengenai implikasi sosial pemajuan itu bagi kawasan yang menjadi perkara permohonan bagi kebenaran merancang itu.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui kaedah-kaedah, mengecualikan apa-apa pemajuan atau kelas, jenis atau kategori pemajuan daripada mengemukakan—

(a) suatu laporan cadangan pemajuan di bawah subseksyen (1); atau

(b) suatu laporan cadangan pemajuan yang mengandungi mana-mana perkara yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(a)* hingga *(g)*.

Pelan susun atur

21B. (1) Pelan susun atur di bawah perenggan 21A(1)*(f)* hendaklah menunjukkan pemajuan yang dicadangkan dan khususnya—

(a) jika pemajuan itu berkenaan dengan mana-mana tanah—

(i) langkah bagi melindungi dan memperelok alam sekitarnya dari segi fizikal;

(ii) langkah bagi memelihara topografi semula jadinya;

(iii) langkah bagi memperelok lanskapnya;

(iv) langkah bagi memelihara dan menanam pokok di atasnya;

(v) lokasi dan spesies pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter dan tumbuh-tumbuhan lain di atasnya;

(vi) pengadaan tanah lapang;

(vii) cadangan kerja tanah, jika ada; dan

(viii) perihal kerja yang hendak dijalankan;

(b) jika pemajuan itu berkenaan dengan suatu bangunan yang mempunyai seni bina tersendiri atau kepentingan sejarah, butir-butir untuk mengenal pasti bangunan itu termasuk kegunaan dan keadaannya, serta ciri-ciri, rupa, binaan dan bentuknya yang tersendiri dan langkah bagi melindungi, memeliharanya dan mengindahkannya; dan

(c) jika pemajuan itu melibatkan kerja bangunan, butir-butir mengenai ciri dan rupa bangunan yang terletak di kawasan sekeliling.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan kepada pemohon untuk kebenaran merancang berkenaan dengan perkara berkaitan pelan susun aturnya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.

(3) Pemohon yang telah diberikan arahan di bawah subseksyen (2) hendaklah meminda pelan susun aturnya dengan sewajarnya, dan mengemukakan semula pelan susun atur itu dalam masa apa-apa tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(4) Jika pelan susun atur itu tidak dikemukakan semula dalam masa tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tetapi pemohon boleh mengemukakan permohonan yang baru.

Penyediaan pelan, dsb., oleh seseorang yang berkelayakan

21C. Semua pelan, butir-butir, pelan susun atur dan dokumen lain yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah Akta ini hendaklah disediakan oleh—

(a) seseorang yang kelayakannya ditetapkan di bawah perenggan 58(2)*(h)*; atau

(b) seseorang yang berhak berbuat sedemikian di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Layanan terhadap permohonan

22. (1) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas diterima sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, atau, jika permohonan itu adalah satu permohonan yang baginya subseksyen 21(6) terpakai, dengan seberapa segera yang mungkin selepas tamatnya tempoh bantahan boleh dibuat atau, jika bantahan telah dibuat, dengan seberapa segera yang mungkin selepas bantahan itu diuruskan di bawah subseksyen 21(7), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah membuat keputusan mengenai permohonan untuk kebenaran merancang itu.

(2) Dalam menguruskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah memberi pertimbangan kepada apa-apa perkara yang pada pendapatnya adalah suai manfaat atau perlu untuk merancang dengan wajar dan khususnya—

(a) peruntukan rancangan pemajuan itu, jika ada;

(aa) arahan yang diberikan oleh Jawatankuasa, jika ada;

(b) peruntukan yang pada fikirannya mungkin akan dibuat dalam mana-mana rancangan pemajuan yang sedang disediakan atau yang hendak disediakan, atau cadangan yang berhubungan dengan peruntukan itu;

(ba) peruntukan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*];

(bb) laporan cadangan pemajuan;

(bc) peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*]; dan

(c) bantahan, jika ada, yang dibuat di bawah seksyen 21.

*(2A) Jika permohonan yang dikemukakan di bawah seksyen ini melibatkan—

(a) pembangunan suatu perbandaran baru bagi penduduk yang melebihi sepuluh ribu, atau meliputi suatu kawasan yang lebih daripada satu ratus hektar, atau kedua-duanya;

(b) suatu pemajuan bagi pembinaan apa-apa infrastruktur atau kemudahan utama; atau

(c) suatu pemajuan yang melibatkan puncak atau lereng bukit, dalam kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan alam sekitar yang sensitif dalam suatu rancangan pemajuan,

Jawatankuasa hendaklah meminta daripada Majlis nasihatnya berkenaan dengan permohonan yang dikemukakan itu.

*(2B) Bagi maksud subseksyen (2A), pemajuan bagi pembinaan infrastruktur atau kemudahan utama hendaklah termasuk—

(a) kerja infrastruktur negara seperti lapangan terbang, pelabuhan laut, landasan kereta api dan lebuh raya; dan

(b) kerja kemudahan negara seperti pendirian empangan, stesen jana kuasa utama dan tapak pembuangan sisa toksik.

CATATAN—Subseksyen ini tidak terpakai bagi Negeri Terengganu–*lihat* Tr. G.N. 54/2003.

(3) Selepas memberi pertimbangan kepada perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (2) itu, pihak berkuasa perancang tempatan boleh, tertakluk kepada subseksyen (4), memberi kebenaran merancang sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut dikenakan, atau enggan memberikan kebenaran merancang.

(4) Pihak berkuasa perancang tempatan tidak boleh memberi kebenaran merancang jika—

(a) pemajuan yang berkenaan dengannya kebenaran itu dipohon akan berlanggaran dengan apa-apa peruntukan rancangan pemajuan itu;

(aa) pemajuan yang berkenaan dengannya kebenaran itu dipohon akan berlanggaran dengan peruntukan perenggan (2)*(aa)*; atau

(b) pemohon untuk kebenaran merancang itu belum membayar caj pemajuan yang kena dibayar berkenaan dengan pemajuan itu atau belum mendapat kebenaran pihak berkuasa perancang tempatan di bawah subseksyen 34(1) untuk membayar caj pemajuan secara ansuran.

(5) Syarat-syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) bolehlah termasuk mana-mana atau kesemua syarat-syarat yang berikut, iaitu, syarat-syarat—

(a) yang memberi kesan bahawa kebenaran merancang yang diberikan berkenaan dengan apa-apa perubahan mengenai penggunaan tanah atau bangunan adalah hanya untuk suatu tempoh yang terhad dan bahawa, selepas tamat tempoh itu, penggunaan tanah atau bangunan itu sebagaimana yang dibenarkan oleh kebenaran merancang itu hendaklah terhenti dan tanah atau bangunan itu hendaklah dikembalikan kepada kegunaan yang asal;

(b) untuk mengawal selia—

(i) pemajuan dan penggunaan mana-mana tanah lain yang di bawah kawalan pemohon itu yang

bersempadanan dengan tanah yang berkenaan dengannya diberikan kebenaran merancang itu; dan

(ii) sebagaimana yang didapati pihak berkuasa perancang tempatan suai manfaat untuk pemajuan yang berkenaan dengannya diberikan kebenaran merancang itu, kerja yang boleh dijalankan atas mana-mana tanah lain dan cara dan setakat mana kerja itu boleh dijalankan;

(c) bagi memastikan pemajuan tanah dibuat mengikut pelan susun atur yang diluluskan;

(d) yang melarang perbuatan merosakkan tanah, alam sekitarnya dari segi fizikal, topografi semula jadi dan lanskapnya;

(e) yang melarang pemusnahan atau pengubahan apa-apa bentuk semula jadi tanah;

(f) yang melarang penebangan pokok daripada saiz, umur, jenis atau spesies tertentu di mana-mana lokasi yang tertentu, melainkan jika ia dilakukan sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis;

(g) bagi memastikan penanaman atau penanaman semula pokok daripada saiz, umur, jenis atau spesies tertentu di mana-mana lokasi yang tertentu adalah mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan;

(h) bagi memastikan tanah lapang diadakan mengikut pelan susun atur yang diluluskan;

(i) jika pemajuan melibatkan pendirian suatu bangunan baru, atau pendirian semula atau pembesaran suatu bangunan atau sebahagian daripadanya, syarat-syarat untuk memastikan bangunan baru itu serasi dengan seni bina, ciri atau rupa yang tergambar pada bangunan yang terletak

di kawasan sekelilingnya, yang pihak berkuasa perancang tempatan berhasrat untuk melindungi, memelihara atau mengindahkan;

(j) jika pemajuan melibatkan apa-apa tambahan kepada atau pengubahan suatu bangunan yang sedia ada yang mempunyai seni bina tersendiri atau kepentingan sejarah, syarat untuk memastikan muka bangunan dan ciri luaran lain bangunan itu dikekalkan; dan

(k) jika pemajuan melibatkan pendirian semula suatu bangunan yang mempunyai seni bina tersendiri atau kepentingan sejarah atau perobohannya dan pendirian suatu bangunan baru di tempatnya, syarat-syarat untuk memastikan muka bangunan dan ciri luaran lain bangunan yang dirobohkan itu dikekalkan.

(5A) Menjadi kewajipan pihak berkuasa perancang tempatan untuk memastikan perintah pemeliharaan pokok, jika ada, dipatuhi, jika kebenaran merancang diberikan.

(6) Jika kebenaran merancang diberikan, sama ada dengan atau tanpa syarat, ia hendaklah disampaikan kepada pemohonnya dalam bentuk yang ditetapkan dan pada masa itu juga suatu notis mengenai pemberian kebenaran itu hendaklah diberikan kepada mana-mana orang yang telah membuat apa-apa bantahan menurut subseksyen 21(6).

Rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa perancang tempatan

23. (1) Sesuatu rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa perancang tempatan yang dibuat di bawah subseksyen 22(3) boleh dibuat kepada Lembaga Rayuan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu dikemukakan kepadanya, oleh—

(a) seseorang pemohon bagi kebenaran merancang yang terkilan dengan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan yang enggan memberikan kebenaran merancang atau dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak

berkuasa perancang tempatan dalam memberikan kebenaran merancang itu; dan

(b) seseorang yang telah membuat bantahan menurut subseksyen 21(6) dan yang terkilan dengan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan berhubung dengan bantahannya.

(2) Dalam menimbangkan sesuatu rayuan, Lembaga Rayuan hendaklah mendengar pihak merayu dan pihak berkuasa perancang tempatan itu.

(3) Selepas mendengar rayuan itu, Lembaga Rayuan boleh membuat sesuatu perintah—

(a) mengesahkan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan itu dan menolak rayuan;

(b) membenarkan rayuan itu dengan mengarahkan pihak berkuasa perancang tempatan memberikan kebenaran merancang secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga Rayuan;

(c) membenarkan rayuan itu dengan mengetepikan apa-apa kebenaran merancang yang telah diberikan; atau

(d) membenarkan rayuan itu dengan mengarahkan pihak berkuasa perancang tempatan itu memotong atau mengubah suai mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya kebenaran merancang itu telah diberikan atau menggantikan syarat itu dengan apa-apa syarat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga Rayuan.

Luputnya kebenaran merancang

24. (1) Suatu kebenaran merancang yang diberikan di bawah subseksyen 22(3) hendaklah, melainkan jika dilanjutkan tempohnya, luput dua belas bulan selepas tarikh ia diberikan jika, dalam masa itu,

pemajuan belum dimulakan secara yang ditentukan dalam kebenaran merancang itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu kebenaran merancang yang menyatakan dengan nyata bahawa pemajuan yang baginya kebenaran merancang itu diberikan tidak melibatkan apa-apa kerja bangunan.

(3) Apabila sesuatu permohonan dibuat secara yang ditetapkan sebelum kebenaran merancang itu luput untuk dilanjutkan atau dilanjutkan lagi tempoh kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, memberi suatu tempoh lanjutan atau tempoh lanjutan tambahan kepada kebenaran merancang itu.

(4) Suatu kebenaran merancang yang dilanjutkan tempohnya di bawah subseksyen (3) hendaklah, melainkan jika dilanjutkan tempohnya lagi, luput dua belas bulan selepas tarikh dilanjutkan tempohnya, jika dalam masa itu, pemajuan belum dimulakan secara yang ditentukan dalam kebenaran merancang itu.

(5) Dalam memberikan sesuatu tempoh lanjutan atau tempoh lanjutan tambahan kepada kebenaran merancang di bawah subseksyen (3), pihak berkuasa perancang tempatan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya ke atas kebenaran merancang itu atau mengubah syarat-syarat yang dikenakan pada asalnya; dan seksyen 23 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu kepada pengenaan atau pengubahan syarat-syarat di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi pengenaan syarat-syarat di bawah subseksyen 22(3).

Pembatalan dan pengubahsuaian kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan

25. (1) Jika didapati oleh pihak berkuasa perancang tempatan demi untuk kepentingan awam bahawa suatu kebenaran merancang yang diberikan di bawah subseksyen 22(3) atau sesuatu kelulusan pelan bangunan yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu dibatalkan atau diubah suai, pihak

berkuasa perancang tempatan boleh memerintahkan supaya kebenaran atau kelulusan itu dibatalkan atau diubah suai setakat yang difikirkannya perlu.

(2) Tiada pembatalan atau pengubahsuaian di bawah subseksyen (1) boleh berkuat kuasa sehingga disahkan oleh Jawatankuasa.

(3) Sesuatu perintah pembatalan sesuatu kebenaran merancang atau sesuatu kelulusan pelan bangunan hendaklah menyatakan tempoh yang orang yang diberikan kebenaran atau kelulusan itu dikehendaki merobohkan mana-mana bangunan yang didirikan menurut kebenaran atau kelulusan itu dan amaun maksimum yang pihak berkuasa perancang tempatan itu sedia membayar balik kepada orang itu berkenaan dengan kos yang dilakukan oleh orang itu pada menjalankan perobohan itu.

(4) Jika, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah pembatalan itu atau tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, perobohan belum dijalankan atau diselesaikan, maka pihak berkuasa perancang tempatan boleh dengan sendiri dan dengan belanjanya sendiri menjalankan atau menyelesaikan perobohan itu.

(5) Jika perobohan itu telah diselesaikan oleh orang yang telah diberikan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan itu, pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah membayar balik kepada orang itu kos sebenar dan munasabah dilakukan olehnya pada menjalankan perobohan itu, tetapi tidak melebihi amaun yang dinyatakan dalam perintah pembatalan itu.

(6) Jika perobohan telah dijalankan sebahagian oleh orang yang telah diberikan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan itu tetapi diselesaikan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, maka pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menaksir amaun kos perobohan itu sekiranya perobohan itu keseluruhannya dijalankan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, dan menentukan amaun kos sebenar dan munasabah dilakukan olehnya dalam menyelesaikan perobohan itu dan hendaklah membayar kepada orang itu dengan cara membayar balik kosnya perbezaan antara dua amaun itu atau kos sebenar dan munasabah dilakukan oleh orang itu bagi bahagian

perobohan yang dijalankannya, mengikut mana-mana amaun yang kurang, tetapi pihak berkuasa perancang tempatan tidak dalam apa-apa hal pun terikat membayar apa-apa amaun yang lebih daripada amaun yang dinyatakan dalam perintah pembatalan itu.

(7) Jika suatu kebenaran merancang atau sesuatu kelulusan pelan bangunan dibatalkan di bawah subseksyen (1) dan orang yang diberikan kebenaran atau kelulusan itu menuntut daripada pihak berkuasa perancang tempatan itu, dalam masa dan dengan cara yang ditetapkan, pampasan bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukannya pada menjalankan kerja untuk melaksanakan kebenaran atau kelulusan itu sebelum pembatalan atau pengubahsuaiannya, maka pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, selepas memberikan orang itu peluang yang munasabah untuk didengar, menawarkan kepadanya suatu pampasan yang difikirkan memadai oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(8) Jika suatu kebenaran merancang atau sesuatu kelulusan pelan bangunan diubah suai di bawah subseksyen (1), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah membayar balik kepada orang yang diberikan kebenaran atau kelulusan itu kos sebenar dan munasabah dilakukannya pada melaksanakan ubah suaian itu, iaitu kos yang tidak dilakukannya jika sekiranya pengubahsuaian itu tidak diperintahkan, dan hendaklah memberikan pampasan kepadanya bagi apa-apa kerugian akibat ubah suaian itu.

(9) Jika mana-mana orang terkilan dengan apa-apa amaun pembayaran balik atau pampasan yang ditawarkan atau dibayar kepadanya di bawah seksyen ini, dia boleh, dalam masa dan dengan cara yang ditetapkan, merayu kepada Lembaga Rayuan dan Lembaga Rayuan hendaklah menaksir amaun pembayaran balik atau pampasan yang hendak dibayar.

(10) Dalam subseksyen (1), "undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu" ertinya Enakmen-Enakmen Lembaga Bandaran bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu [*N.M.B. Bab 137*], Negeri Johor [*En. Johor No. 118*] dan Negeri Terengganu [*En. Terengganu 12 tahun 1355 H.*], Ordinan Perbandaran bagi Negeri-Negeri Selat [*N.S. Bab 133*], Enakmen Perbandaran bagi Negeri Kelantan [*En. Kelantan 20 tahun 1938*], Ordinan Majlis-Majlis Tempatan 1952 [*Ord. 36 tahun 1952*], dan

mana-mana undang-undang bertulis lain yang menggantikan mana-mana daripada undang-undang itu dan mana-mana bahagiannya.

Kesalahan yang berhubungan dengan pemajuan yang tidak dibenarkan

26. (1) Seseorang yang, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak orang lain—

(a) menggunakan atau membenarkan untuk digunakan mana-mana tanah atau bangunan yang berlanggaran dengan seksyen 18;

(b) memulakan, mengusahakan, atau menjalankan, atau membenarkan untuk dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, apa-apa pemajuan yang berlanggaran seksyen 19 atau seksyen 20;

(c) memulakan, mengusahakan, atau menjalankan, atau membenarkan untuk dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, apa-apa pemajuan jika kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan pemajuan itu telah dibatalkan menurut seksyen 25; atau

(d) memulakan, mengusahakan, atau menjalankan, atau membenarkan untuk dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, apa-apa pemajuan selepas kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan pemajuan itu telah diubah suai menurut seksyen 25 dan pemajuan yang dimulakan, diusahakan, atau dijalankan sedemikian adalah tidak selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi [*]lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan, berkenaan dengan suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sehingga [**]lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(2) Melainkan jika dibuktikan sebaliknya, pemunya tanah yang berkenaan dengannya apa-apa perbuatan yang menjadi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) dilakukan hendaklah disifatkan sebagai telah membenarkan perbuatan itu dilakukan.

Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 19

27. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai jika didapati oleh pihak berkuasa perancang tempatan apa-apa pemajuan telah atau sedang diusahakan atau dijalankan yang berlanggaran dengan seksyen 19.

(2) Jika pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati bahawa, sekiranya sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang atau pelanjutan tempoh kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah dibuat di bawah seksyen 22 atau subseksyen 24(3) sebelum pemajuan itu dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, ia tentu, pada menjalankan kuasanya dengan wajar di bawah seksyen itu, enggan memberikan kebenaran merancang untuk pemajuan itu, maka pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah—

(a) jika pemajuan itu telah siap, menyampaikan kepada pemunya dan juga penduduk tanah itu suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki kedua-dua daripada mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak, yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya tanah itu dipulihkan semula setakat

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima ratus ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [*Akta A933*].

[**]*CATATAN*—Dahulunya "satu ribu ringgit"–*lihat* Akta A933.

yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan;

(b) jika pemajuan itu belum siap, menyampaikan kepada pemunya tanah itu dan kepada orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki kedua-dua mereka itu menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta dan mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan, kehendak, yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

(3) Jika pihak berkuasa perancang tempatan tidak puas hati sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), dia hendaklah menyampaikan kepada pemunya, penduduk, atau orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu notis memberitahunya akan pelanggaran itu dan menghendaki dia memohon kebenaran merancang dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh tambahan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.

(4) Dalam mana-mana hal yang termasuk di bawah subseksyen (3), pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah juga, jika pemajuan itu belum siap, menyampaikan kepada pemunya dan orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mereka menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta.

(5) Pemberian notis di bawah subseksyen (3) tidak boleh ditafsirkan sebagai tanda mahu memberikan kebenaran merancang dan hendaklah tidak menyentuh kuasa pihak berkuasa perancang tempatan bagi menolak permohonan untuk kebenaran merancang;

dan notis itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang bermaksud sedemikian.

(6) Mana-mana orang yang terus menjalankan apa-apa pemajuan selepas dikehendaki menghentikannya melalui suatu notis yang disampaikan kepadanya di bawah perenggan (2)*(b)* atau subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi [*]satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga [**]lima ribu ringgit bagi setiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(7) Seksyen 21 dan 22 hendaklah terpakai bagi permohonan untuk kebenaran merancang di bawah subseksyen (3), tetapi sebagai tambahan kepada apa-apa fi yang ditetapkan bagi maksud seksyen 21, fi selanjutnya yang ditetapkan hendaklah kena dibayar berkenaan dengan permohonan itu.

(8) Jika tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (3) dalam masa yang dibenarkan atau jika permohonan itu ditolak, pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah menyampaikan kepada pemunya, penduduk, atau orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mana-mana atau kesemua daripada mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan, kehendak, yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

(9) Tertakluk kepada subseksyen (10), mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana kehendak suatu notis di bawah subseksyen (2) atau (8) dalam tempoh yang dibenarkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima ratus ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [*Akta A933*].

[**]*CATATAN*—Dahulunya "satu ribu ringgit"–*lihat Akta A933*.

[*]satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga [**]lima ribu ringgit bagi setiap hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(10) Tiada penduduk mana-mana tanah yang berhubungan dengan suatu notis di bawah subseksyen (2) atau (8), yang juga bukannya pemunya tanah itu, boleh disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (9) jika dia membuktikan bahawa pemajuan yang berkenaan dengan notis itu tidak dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, atau dibenarkan untuk dimulakan, diusahakan, atau dijalankan olehnya.

(11) Dalam seksyen ini, "pemajuan" termasuklah apa-apa bahagian atau bentuk suatu pemajuan.

Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 20

28. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai jika didapati oleh pihak berkuasa perancang tempatan apa-apa pemajuan telah atau sedang diusahakan atau dijalankan yang berlanggaran dengan seksyen 20.

(2) Jika pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati bahawa, sekiranya permohonan untuk kebenaran merancang itu menunjukkan bahawa pemajuan itu akan mengambil atau menghasilkan bentuk atau keadaannya sekarang, ia tentu, pada menjalankan kuasanya dengan wajar di bawah seksyen 22, enggan memberikan kebenaran merancang untuk pemajuan itu, maka pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah—

(a) jika pemajuan telah siap, menyampaikan kepada pemunya dan juga penduduk tanah itu suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki kedua-dua mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak, yang

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima ratus ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [*Akta A933*].

[**]*CATATAN*—Dahulunya "satu ribu ringgit"–*lihat Akta A933*.

dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya pemajuan itu menepati kebenaran merancang itu dan syarat-syaratnya atau, jika ini tidak mungkin, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan;

(b) jika pemajuan itu belum siap, menyampaikan kepada pemunya tanah itu dan kepada orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki kedua-dua mereka itu menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta dan mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan, kehendak, yang dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya pemajuan itu menepati kebenaran merancang itu dan syarat-syaratnya atau, jika ini tidak mungkin, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

(3) Jika pihak berkuasa perancang tempatan tidak berpuas hati sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), ia hendaklah menyampaikan kepada pemunya, penduduk, atau orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu notis menyatakan kepadanya akan pelanggaran itu dan menghendaki dia memohon kebenaran merancang yang baru berkenaan dengan pemajuan itu, seperti dalam bentuk atau keadaannya sekarang, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.

(4) Dalam mana-mana hal yang termasuk di bawah subseksyen (3), pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah juga, jika pemajuan itu belum siap, menyampaikan kepada pemunya dan orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan

menghendaki mereka menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta.

(5) Pemberian notis di bawah subseksyen (3) tidak boleh ditafsirkan sebagai tanda kesediaan memberikan kebenaran merancang dan hendaklah tidak menyentuh kuasa pihak berkuasa perancang tempatan bagi menolak permohonan untuk kebenaran merancang; dan notis itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang bermaksud sedemikian.

(6) Mana-mana orang yang terus menjalankan apa-apa pemajuan selepas dikehendaki menghentikannya melalui suatu notis yang disampaikan kepadanya di bawah perenggan (2)*(b)* atau subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga lima ribu ringgit bagi setiap hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(7) Seksyen 21 dan 22 hendaklah terpakai bagi permohonan untuk kebenaran merancang di bawah subseksyen (3), tetapi sebagai tambahan kepada apa-apa fi yang ditetapkan bagi maksud seksyen 21, fi selanjutnya yang ditetapkan hendaklah kena dibayar berkenaan dengan permohonan itu.

(8) Jika tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (3) dalam masa yang dibenarkan atau jika permohonan itu ditolak, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyampaikan kepada pemunya, penduduk, atau orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mana-mana atau kesemua daripada mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan, kehendak, yang dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya pemajuan itu menepati kebenaran merancang itu dan syarat-syaratnya atau, jika ini tidak mungkin, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

(9) Tertakluk kepada subseksyen (10), mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana kehendak suatu notis di bawah subseksyen (2) atau (8) dalam tempoh yang dibenarkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi [*]satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga [**]lima ribu ringgit bagi setiap hari kegagalan itu berterusan tidak dipatuhi selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(10) Tiada penduduk mana-mana tanah yang berhubungan dengan suatu notis di bawah subseksyen (2) atau (8), yang juga bukannya pemunya tanah itu, boleh disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (9) jika dia membuktikan bahawa pemajuan yang berkenaan dengan notis itu tidak dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, atau dibenarkan untuk dimulakan, diusahakan, atau dijalankan olehnya.

(11) Dalam seksyen ini, "pemajuan" termasuklah apa-apa bahagian atau bentuk suatu pemajuan.

Penguatkuasaan dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai

29. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai jika didapati oleh pihak berkuasa perancang tempatan apa-apa pemajuan telah atau sedang diusahakan atau dijalankan selepas kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan pemajuan itu telah diubah suai menurut seksyen 25 dan pemajuan yang diusahakan atau dijalankan sedemikian adalah tidak selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu.

(2) Jika pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati bahawa mana-mana bahagian, aspek, atau bentuk pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai itu boleh diubah suai, ditambah atau diroboh supaya

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima ratus ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [*Akta A933*].

[**]*CATATAN*—Dahulunya "satu ribu ringgit"–*lihat Akta A933*.

selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu, maka pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah—

(a) jika pemajuan itu telah siap, menyampaikan kepada pemunya dan juga penduduk tanah itu suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki kedua-dua mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak, yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan supaya selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu;

(b) jika pemajuan itu belum siap, menyampaikan kepada pemunya tanah itu dan kepada orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mereka itu—

(i) menghentikan semua aktiviti dengan serta-merta, kecuali aktiviti yang perlu untuk mematuhi kehendak pihak berkuasa perancang tempatan itu di bawah subperenggan (ii) dan aktiviti lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, sehingga pihak berkuasa perancang tempatan itu berpuas hati bahawa kehendak itu telah dipatuhi; dan

(ii) mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak, yang dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan supaya selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu.

(3) Jika pihak berkuasa perancang tempatan itu tidak berpuas hati sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), maka pihak

berkuasa perancang tempatan itu hendaklah menyampaikan kepada pemunya tanah itu dan, jika pemajuan itu belum siap, kepada orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak, yang dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana kehendak suatu notis di bawah perenggan (2)*(a)*, subperenggan (2)*(b)*(ii), atau subseksyen (3) dalam tempoh yang dibenarkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi [*]satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga [**]lima ribu ringgit bagi setiap hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(5) Tiada penduduk mana-mana tanah yang berhubungan dengan suatu notis di bawah perenggan 2*(a)*, yang juga bukannya pemunya tanah itu, boleh disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (4) jika dia membuktikan bahawa pemajuan yang berkenaan dengan notis itu tidak dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, atau dibenarkan untuk dimulakan, diusahakan, atau dijalankan olehnya.

(6) Mana-mana orang yang terus menjalankan apa-apa aktiviti selepas dikehendaki menghentikannya melalui suatu notis yang disampaikan kepadanya di bawah subperenggan (2)*(b)*(i) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi *satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima ratus ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [*Akta A933*].

[**]*CATATAN*—Dahulunya "satu ribu ringgit"–*lihat Akta A933*.

sehingga [*]lima ribu ringgit bagi setiap hari aktiviti itu berterusan sedemikian selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Notis rekuisisi

30. (1) Jika pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati—

(a) bahawa apa-apa penggunaan tanah patutlah dihentikan;

(b) bahawa syarat-syarat patut dikenakan atas penggunaannya yang berterusan; atau

(c) bahawa mana-mana bangunan atau kerja di atas mana-mana tanah patut diubah atau dipindahkan,

pihak berkuasa perancang tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melalui notis rekuisisi yang disampaikan kepada pemunya tanah itu—

(i) menghendaki supaya dihentikan penggunaan itu;

(ii) mengenakan apa-apa syarat bagi penggunaan tanah itu yang berterusan sebagaimana yang dinyatakan dalam notis rekuisisi itu; atau

(iii) menghendaki supaya langkah yang dinyatakan dalam notis rekuisisi itu diambil untuk mengubah atau memindahkan bangunan atau kerja itu,

dan pemunya itu hendaklah, dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis rekuisisi itu, yang tidak kurang daripada satu bulan dari tarikh notis itu disampaikan, mematuhi kehendak atau syarat itu.

(2) Seseorang yang terkilan dengan suatu notis rekuisisi boleh, dalam tempoh yang dinyatakan di dalamnya dan dengan cara yang ditetapkan, merayu kepada Lembaga Rayuan.

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "satu ribu ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [*Akta A933*].

(3) Jika sesuatu rayuan difailkan di bawah subseksyen (2), notis rekuisisi itu hendaklah digantung sehingga rayuan itu diputuskan atau ditarik balik.

(4) Dalam menimbangkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (2), Lembaga Rayuan hendaklah mendengar perayu dan pihak berkuasa perancang tempatan itu.

(5) Jika pemunya tanah yang berhubungan dengan notis rekuisisi itu, akibat daripada pematuhan notis rekuisisi itu, telah menanggung kerosakan yang berupa kesusutan nilai tanah itu atau telah melakukan perbelanjaan atau kos dalam menjalankan kerja bagi mematuhi notis itu, dia boleh menuntut daripada pihak berkuasa perancang tempatan, dalam masa dan dengan cara yang ditetapkan, pampasan bagi kerosakan, perbelanjaan atau kos itu.

(6) Jika suatu tuntutan dibuat di bawah subseksyen (5), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, selepas memberikan orang yang membuat tuntutan itu peluang untuk didengar, menawarkan kepadanya pampasan yang difikirkan memadai oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.

(7) Jika orang yang ditawarkan pampasan di bawah subseksyen (6) itu terkilan dengan amaun pampasan itu, dia boleh, dalam masa dan dengan cara yang ditetapkan, merayu kepada Lembaga Rayuan dan Lembaga Rayuan hendaklah menaksir amaun pampasan yang hendak dibayar.

(8) Seseorang yang gagal mematuhi suatu notis rekuisisi yang disampaikan kepadanya di bawah subseksyen (1) dalam tempoh yang dinyatakan dalamnya atau, jika suatu rayuan telah dibuat di bawah subseksyen (2), dalam suatu tempoh selepas rayuan itu diputuskan atau ditarik balik yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi [*]satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima puluh ribu ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [*Akta A1129*].

sehingga [*]lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Pelaksanaan oleh orang diberi kuasa

31. (1) Jika apa-apa kehendak apa-apa notis yang disampaikan di bawah mana-mana peruntukan seksyen 27, 28, 29 dan 30, selain suatu kehendak supaya dihentikan apa-apa pemajuan atau aktiviti, tidak dipatuhi dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang mungkin telah dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan masing-masing, seseorang yang diberi kuasa boleh, dengan atau tanpa pekerja, memasuki tanah yang berhubungan dengan notis itu dan mengambil sesuatu langkah yang perlu untuk melaksanakan notis itu, termasuk meroboh atau mengubah mana-mana bangunan atau kerja dan memindahkan apa-apa barang, kenderaan, atau benda dari mana-mana bangunan atau tanah itu.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh meminta ketua polis daerah di kawasan pihak berkuasa perancang tempatan itu terletak menyediakan pegawai polis untuk memberi bantuan kepada orang diberi kuasa dalam mengambil apa-apa tindakan menurut kuasa subseksyen (1) dan menjadi kewajipan ketua polis daerah itu mematuhi permintaan itu dan kewajipan pegawai polis yang disediakan bagi mematuhi permintaan itu memberi bantuan.

(3) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menuntut perbelanjaan dan kos yang dilakukannya dalam melaksanakan suatu notis di bawah subseksyen (1) dari pemunya tanah yang berhubungan dengan notis itu dengan cara seperti mana kadar yang dituntut di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kerajaan tempatan.

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "satu ribu ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [*Akta A1129*].

Ketidakselarasan antara undang-undang kecil bangunan dengan rancangan pemajuan

31A. Jika ketidakselarasan wujud antara mana-mana undang-undang kecil bangunan dengan rancangan pemajuan berhubung dengan mana-mana dasar dalam rancangan itu—

(a) rancangan pemajuan hendaklah mengatasi undang-undang kecil itu; dan

(b) pihak berkuasa yang memberi kelulusan hendaklah memakai peruntukan undang-undang kecil bangunan itu dengan apa-apa cara dan setakat yang perlu untuk mengelakkan ketidakselarasan itu, tetapi dengan memastikan bahawa piawai kekukuhan bangunan demi keselamatan dan keselesaan penghuni dicapai berkenaan dengan pemajuan itu adalah sebaik yang dapat semunasabahnya dicapai dalam hal keadaan itu.

BAHAGIAN V

CAJ PEMAJUAN

Caj pemajuan dan tanggungan kepadanya

32. (1) Jika suatu rancangan tempatan atau sesuatu pengubahan rancangan tempatan mengakibatkan suatu perubahan penggunaan, ketumpatan, atau luas lantai berkenaan dengan mana-mana tanah sehingga menaikkan nilai tanah itu, suatu caj pemajuan hendaklah dilevi berkenaan dengan mana-mana pemajuan tanah yang dimulakan, diusahakan, atau dijalankan mengikut perubahan itu.

(2) Kadar caj pemajuan atau kaedah mengira amaun caj pemajuan yang kena dibayar hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 35.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 35, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau mana-mana pemajuan atau kelas, jenis, atau

kategori pemajuan daripada tanggungan kepada caj pemajuan, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam kaedah-kaedah itu.

Penentuan caj pemajuan

33. (1) Sebelum memberikan kebenaran merancang untuk mana-mana pemajuan, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menentukan sama ada caj pemajuan kena dibayar berkenaan dengan pemajuan itu dan, jika kena dibayar, menentukan amaunnya, dan hendaklah menyampaikan kepada pemohon untuk kebenaran merancang suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menuntut amaun itu dibayar.

(2) Penentuan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu mengenai amaun caj pemajuan itu adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

Pembayaran caj pemajuan

34. (1) Caj pemajuan hendaklah kena dibayar sekali gus, tetapi pihak berkuasa perancang tempatan boleh, atas permohonan pemohon untuk kebenaran merancang, membenarkan supaya caj pemajuan itu dibayar dengan beberapa ansuran yang difikirkannya patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan, dengan bunga mengikut kadar, bukannya kadar keutamaan, yang dikenakan oleh Persatuan Bank Malaysia-Singapura bagi pinjaman yang bercagarkan harta tak alih.

(2) Jika apa-apa ansuran caj pemajuan yang genap masanya dibayar tidak dibayar, pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah memberikan orang yang telah diberikan kebenaran merancang itu suatu notis memberitahunya mengenai keingkaran itu dan menuntut supaya bayaran itu dibuat dalam masa yang munasabah yang hendaklah ditentukan dalam notis itu.

(3) Jika amaun yang genap masa dibayar itu masih tidak dibayar selepas masa yang dibenarkan di bawah subseksyen (2) telah luput, kesemua baki caj pemajuan itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar dan boleh dituntut dengan cara seperti mana kadar yang dituntut di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan kerajaan tempatan.

(4) Semua jumlah wang yang diterima mengenai akaun caj pemajuan hendaklah dimasukkan ke dalam kumpulan wang pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

35. Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan Bahagian ini atau bagi maksud menetapkan apa-apa yang mungkin dikehendaki, atau dikehendaki, ditetapkan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN VA

PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

Perintah pemeliharaan pokok

35A. (1) Jika didapati oleh pihak berkuasa perancang tempatan bahawa adalah suai manfaat bagi kepentingan keselesaan untuk memelihara mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok dalam kawasannya, ia boleh membuat suatu perintah pemeliharaan pokok mengenai pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu.

(2) Suatu perintah pemeliharaan pokok boleh, secara khusus, mengadakan peruntukan—

(a) bagi melarang penebangan pokok kecuali dengan kebenaran bertulis dan tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, yang dikenakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan; dan

(b) bagi memastikan penanaman atau penggantian pokok melalui penanaman semula mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(3) Perenggan (2)*(a)* tidaklah terpakai bagi penebangan suatu pokok—

(a) yang hampir mati atau telah mati;

(b) bagi pencegahan bahaya yang hampir benar berlaku; atau

(c) jika ia dilakukan sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis.

(4) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam perintah pemeliharaan pokok melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi daripada [*]satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Jika dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini telah dibuktikan bahawa suatu pokok telah ditebang hendaklah dianggapkan, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pokok itu telah ditebang oleh penduduk tanah yang di atasnya pokok itu tumbuh.

Perintah pemeliharaan pokok tidak boleh dibuat jika pokok tertakluk kepada syarat-syaratnya

35B. Walau apa pun seksyen 35A, suatu perintah pemeliharaan pokok tidak boleh dibuat berkenaan dengan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan 22(5)*(f)* dan *(g)*.

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima puluh ribu ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [*Akta A1129*].

Rayuan terhadap perintah pemeliharaan pokok, dsb.

35C. Mana-mana orang yang terkilan dengan—

(a) suatu perintah pemeliharaan pokok;

(b) mana-mana peruntukan dalam suatu perintah pemeliharaan pokok;

(c) (i) penolakan suatu kebenaran bertulis; atau

(ii) mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberian suatu kebenaran bertulis,

di bawah perenggan 35A(2)*(a)*; atau

(d) suatu perintah untuk menanam atau menggantikan pokok di bawah perenggan 35A(2)*(b)*,

boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh dia diberitahu mengenai perintah, penolakan atau pengenaan syarat-syarat itu merayu kepada Lembaga Rayuan.

Pampasan di bawah perintah pemeliharaan pokok

35D. (1) Jika pemunya tanah yang tanahnya berhubungan dengan suatu perintah pemeliharaan pokok membuktikan bahawa dia, kerana mematuhi perenggan 35C*(a)* hingga *(d)*, mengalami kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanahnya, dia boleh menuntut pampasan daripada pihak berkuasa perancang tempatan.

(2) Suatu tuntutan pampasan di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada pihak berkuasa perancang tempatan—

(a) dalam masa enam bulan dari tarikh—

(i) perintah pemeliharaan pokok;

(ii) penolakan suatu kebenaran bertulis atau pengenaan syarat-syarat di bawah perenggan 35A(2)*(a)*; atau

(iii) perintah untuk menggantikan pokok di bawah perenggan 35A(2)*(b)*,

diberitahu kepada pemunya tanah itu; atau

(b) jika rayuan dibuat di bawah subseksyen 35C(1), dalam masa enam bulan dari tarikh keputusan Lembaga Rayuan mengesahkan perintah, penolakan atau pengenaan syarat-syarat yang dirayu itu.

(3) Jika pemunya tanah itu tidak berpuas hati dengan amaun pampasan yang diawardkan, dia boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh award itu, merayu kepada Lembaga Rayuan yang mempunyai kuasa untuk mengesahkan atau mengubah amaun pampasan yang diawardkan itu.

Penggantian pokok

35E. (1) Maka menjadi suatu kewajipan kepada orang yang didapati bersalah di bawah subseksyen 35A(4) kerana menebang mana-mana pokok yang berkenaan dengannya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuat kuasa pada masa ini, yang berlanggaran dengan perintah pemeliharaan pokok itu, menggantikan pokok itu dengan menanam suatu pokok yang lain—

(a) daripada saiz dan spesies yang sesuai;

(b) di tempat yang sama atau berdekatan dengan tempat yang sama atau tempat lain;

(c) dalam masa; dan

(d) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat,

yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan melainkan jika atas permohonan orang itu atau atas permohonan mana-mana

orang lain atau mengikut budi bicara pihak berkuasa perancang tempatan itu sendiri pihak berkuasa perancang tempatan mengetepikan kehendak ini.

(2) Masa yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan di bawah perenggan 1*(c)* bagi penggantian pokok boleh dilanjutkan sekali atas permohonan orang yang berkewajipan menggantikan pokok itu.

(3) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

(a) penolakan untuk mengetepikan kehendak menggantikan pokok di bawah perenggan (1);

(b) mana-mana perintah yang diberikan di bawah perenggan (1)*(a)* atau *(b)*;

(c) mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (1)*(d)*; atau

(d) penolakan untuk melanjutkan masa di bawah subseksyen (2),

boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh orang itu diberitahu mengenai perintah, penolakan atau pengenaan terma dan syarat itu merayu kepada Lembaga Rayuan.

(4) Berhubung dengan mana-mana pokok yang ditanam semula di bawah subseksyen (1), perintah pemeliharaan pokok yang berkaitan hendaklah terpakai baginya sebagaimana ia terpakai bagi pokok asal.

(5) Jika orang yang berkewajipan untuk menggantikan pokok di bawah subseksyen (1) gagal berbuat sedemikian, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi [*]satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima puluh ribu ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [*Akta A1129*].

Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menggantikan pokok jika orang yang berkewajipan untuk menggantikannya gagal berbuat sedemikian

35F. Dalam hal suatu kegagalan untuk menggantikan pokok di bawah subseksyen 35E(1), pihak berkuasa perancang tempatan boleh meneruskan untuk menggantikan pokok itu dan, walaupun bayaran denda di bawah subseksyen 35E(5) telah dijelaskan, kesemua kos dan perbelanjaan yang semunasabahnya dilakukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk menggantikan pokok itu hendaklah dibayar ganti oleh orang yang ingkar untuk menggantikannya.

Pembatalan perintah pemeliharaan pokok

35G. Pihak berkuasa perancang tempatan boleh meminda atau membatalkan suatu perintah pemeliharaan pokok termasuk bagi maksud memberikan kebenaran merancang di bawah subseksyen 22(3) berkenaan dengan sesuatu kawasan yang mengenainya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuat kuasa pada masa ini.

Larangan untuk memotong, dsb., pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter

35H. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa perancang tempatan menebang suatu pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter yang tidak tertakluk kepada suatu perintah pemeliharaan pokok, melainkan jika penebangan itu—

(a) adalah berkenaan dengan pokok sedemikian yang hampir mati atau telah mati;

(b) adalah bagi pencegahan bahaya yang hampir benar berlaku; atau

(c) adalah sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), lilitan suatu pokok hendaklah diukur setengah meter dari bumi dengan syarat bahawa lilitan pokok yang berbanir hendaklah diukur ke atas dari banir itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi daripada [*]sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

LEMBAGA RAYUAN

Lembaga Rayuan

36. (1) Bagi maksud Akta ini, hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Rayuan di dalam dan bagi Negeri.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta* Negeri, melantik—

(a) dengan persetujuan Menteri, seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi bagi Lembaga Rayuan itu, iaitu orang yang menjadi atau telah menjadi hakim atau peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi atau anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia atau yang berpengalaman dari segi kehakiman atau kelayakan dan pengalaman sesuai yang lain; dan

(b) beberapa orang yang layak, tidak melebihi dua belas orang, yang difikirkan memadai oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk menjadi ahli tambahan Lembaga Rayuan itu.

(3) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun yang hendaklah ditentukan

---

[*]*CATATAN*—Dahulunya "lima puluh ribu ringgit"–*lihat* Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [*Akta A1129*].

oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam pemberitahuan pelantikan itu, tetapi layak dilantik semula.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh membatalkan pelantikan seseorang ahli Lembaga Rayuan tanpa memberi apa-apa sebab.

(5) Apabila Pengerusi tidak dapat menjalankan fungsinya oleh sebab sakit, tidak berada di Malaysia, atau oleh apa-apa sebab lain, Timbalan Pengerusi hendaklah menjalankan fungsi Pengerusi itu; dan pada menjalankan fungsi itu, Timbalan Pengerusi hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan sebagai Pengerusi Lembaga Rayuan itu.

(6) Bila mana timbul suatu keperluan untuk memanggil Lembaga Rayuan bermesyuarat, Pengerusi hendaklah meminta mana-mana dua orang daripada ahli yang dilantik di bawah perenggan (2)*(b)* supaya berkhidmat dengannya dalam Lembaga Rayuan itu; dan menjadi kewajipan tiap-tiap ahli yang diminta sedemikian, berkhidmat dalam Lembaga Rayuan, melainkan jika dia dikecualikan oleh Pengerusi, atas alasan yang difikirkan munasabah oleh Pengerusi, daripada berkhidmat sedemikian.

(7) Seseorang ahli Lembaga Rayuan yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam apa-apa perkara yang ada di hadapan Lembaga Rayuan hendaklah, sebaik sahaja dia sedar akan kepentingannya, menzahirkan fakta dan jenis kepentingan itu kepada Pengerusi dan tidak boleh mengambil bahagian atau bahagian selanjutnya dalam prosiding Lembaga Rayuan itu yang berhubungan dengan perkara itu.

(8) Tiap-tiap penzahiran kepentingan yang dibuat di bawah subseksyen (7) hendaklah direkodkan.

(9) Tiap-tiap keputusan Lembaga Rayuan hendaklah dibuat oleh Pengerusi setelah menimbangkan pendapat dua orang ahli yang lain itu, tetapi dalam membuat keputusan itu Pengerusi tidak terikat untuk bersetuju dengan pendapat dua orang ahli yang lain itu atau salah seorang daripada mereka, tetapi jika Pengerusi tidak bersetuju dengannya, dia hendaklah merekodkan sebab dia tidak bersetuju.

(10) Berkenaan dengan sesuatu rayuan di hadapannya, Lembaga Rayuan—

(a) hendaklah mendengar perayu dan pihak berkuasa perancang tempatan;

(b) boleh memanggil dan memeriksa saksi;

(c) boleh menghendaki mana-mana orang mengikat dirinya atas sumpah untuk menyatakan yang benar;

(d) boleh memaksa pengemukaan dan penghantarserahan apa-apa dokumen yang difikirkan berkaitan atau material olehnya bagi rayuan itu;

(e) boleh mengesahkan, mengubah atau mengakas perintah atau keputusan yang dirayu;

(f) boleh mengawardkan kos; dan

(g) boleh membuat apa-apa perintah sama ada yang diperuntukkan atau tidak oleh, dan yang selaras dengan Akta ini.

(11) Tiap-tiap orang yang dipanggil oleh Lembaga Rayuan untuk menghadiri prosiding diwajibkan di sisi undang-undang untuk hadir di tempat dan pada masa yang ditentukan dalam saman itu dan tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh Lembaga Rayuan untuk mengemukakan atau menghantar serah apa-apa dokumen kepadanya atau kepada mana-mana pekhidmat awam diwajibkan di sisi undang-undang untuk mengemukakan atau menghantar serah dokumen sedemikian.

(12) Semua saman, notis, award, dan perintah yang dikeluarkan, dibuat, atau diberi di bawah tandatangan Pengerusi hendaklah disifatkan sebagai dikeluarkan, dibuat, atau diberikan oleh Lembaga Rayuan.

(13) Sesuatu perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan atas suatu rayuan di hadapannya adalah muktamad, tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah, dan hendaklah mengikat semua pihak kepada rayuan itu atau yang terlibat dalam perkara itu.

(14) Bagi maksud Kanun Keseksaan [*Akta 574*], Lembaga Rayuan hendaklah disifatkan sebagai suatu mahkamah dan tiap-tiap ahlinya hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam.

(15) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan tatacara rayuan kepada Lembaga Rayuan dan fi yang kena dibayar berkenaan dengannya, dan mengawal selia prosiding Lembaga Rayuan tetapi, sehingga kaedah-kaedah itu dibuat dan berkuat kuasa, Lembaga Rayuan hendaklah, bagi maksud prosiding, setakat yang boleh dilaksanakan mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 [*P.U. (A) 328/1980*][*].

(16) Ahli Lembaga Rayuan hendaklah dibayar, daripada kumpulan wang Negeri, elaun yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN VII

NOTIS PEMBELIAN DAN PENGAMBILAN TANAH

Notis menghendaki pembelian tanah dalam hal tertentu

37. (1) Tanpa menyentuh penjalanan mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuat kuasa yang berhubungan dengan pengambilan tanah, seseorang tuan punya tanah berdaftar—

(a) yang tidak diberikan kebenaran merancang di bawah subseksyen 22(3) untuk memajukan tanahnya atas alasan bahawa tanah itu adalah ditunjukkan dalam rancangan pemajuan, sama ada secara nyata atau dengan implikasi, sebagai tanah yang dicadangkan untuk maksud awam dan yang menuntut bahawa, oleh sebab penolakan itu, tanah itu tidak berupaya untuk kegunaan berfaedah yang munasabah; atau

(b) yang menuntut bahawa, oleh sebab pematuhan kepada suatu notis rekuisisi berkenaan dengan tanahnya yang

[*] *CATATAN*—Teks terjemahan dalam bahasa kebangsaan diwartakan sebagai P.U. (A) 97/1990.

disampaikan kepadanya di bawah seksyen 30, tanah itu tidak berupaya untuk kegunaan berfaedah yang munasabah,

boleh, dengan cara yang ditetapkan, menyampaikan kepada pihak berkuasa perancang tempatan suatu notis pembelian dalam bentuk yang ditetapkan, menghendaki supaya kepentingannya mengenai tanah itu dibeli mengikut seksyen ini.

(2) Hendaklah disampaikan dengan notis pembelian itu suatu pernyataan tentang fakta dan sebab untuk menyokong tuntutan dalam notis itu, bersama-sama dengan salinan apa-apa dokumen yang boleh didapati, termasuk afidavit, yang boleh memberikan bukti tentang fakta dan sebab itu.

(3) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyiasat tuntutan yang dibuat dalam tiap-tiap notis pembelian yang disampaikan di bawah subseksyen (1) dan, jika ia berpuas hati bahawa notis itu adalah dalam bentuk yang ditetapkan dan telah disediakan dan disampaikan dengan cara yang ditetapkan, hendaklah mengemukakan notis itu kepada Pihak Berkuasa Negeri bersama dengan pernyataan dan apa-apa dokumen lain yang disampaikan dengan notis itu dan—

(a) dalam hal suatu notis pembelian seseorang yang menuntut di bawah perenggan (1)*(a)*, suatu laporan lengkap berkenaan dengan penolakan kebenaran merancang itu yang menyebabkan tuntutan itu timbul, suatu pernyataan mengenai maksud tertentu yang dicadangkan untuk tanah itu, dan suatu pernyataan mengenai pendapat pihak berkuasa perancang tempatan sama ada tanah itu berupaya untuk kegunaan berfaedah yang munasabah; dan

(b) dalam hal suatu notis pembelian seseorang yang menuntut di bawah perenggan (1)*(b)*, butir-butir notis rekuisisi itu yang menyebabkan tuntutan itu timbul dan suatu pernyataan mengenai pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu sama ada tanah itu berupaya untuk kegunaan berfaedah yang munasabah.

(4) Jika pihak berkuasa perancang tempatan tidak berpuas hati bahawa notis pembelian itu adalah dalam bentuk yang ditetapkan atau telah disediakan atau disampaikan dengan cara yang ditetapkan, ia hendaklah menolak notis pembelian itu, tetapi tanpa menyentuh penyampaian suatu notis pembelian lain.

(5) Pihak Berkuasa Negeri selepas menimbangkan notis pembelian itu dan semua perkara lain yang dikemukakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan di bawah subseksyen (3), hendaklah—

(a) jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah yang berhubungan dengan notis pembelian itu adalah berupaya untuk kegunaan berfaedah yang munasabah, menolak notis pembelian itu; atau

(b) jika Pihak Berkuasa Negeri tidak berpuas hati bahawa tanah yang berhubungan dengan notis pembelian itu berupaya untuk kegunaan berfaedah yang munasabah atau berpuas hati bahawa tanah itu tidak berupaya digunakan sedemikian, mengarahkan pihak berkuasa perancang tempatan memulakan langkah untuk mengambil tanah itu mengikut peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*].

(6) Bagi maksud Akta Pengambilan Tanah 1960—

(a) mana-mana tanah yang dicadangkan hendak diambil menurut seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai diperlukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu;

(b) pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu perbadanan yang mengusahakan suatu kerja bagi kemudahan awam; dan

(c) tanah itu hendaklah disifatkan sebagai diperlukan bagi maksud yang disebut dalam perenggan 3(1)*(b)* Akta itu.

(7) Walau apa pun mana-mana undang-undang yang berlawanan, dalam menaksir amaun pampasan yang hendak dibayar kerana pengambilan mana-mana tanah menurut subseksyen (5), tanah itu

hendaklah dikira seolah-olah ia tidak ditunjukkan dalam rancangan pemajuan itu sebagai tanah yang dicadangkan untuk maksud awam dan sebenarnya tidak dicadangkan sedemikian atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah notis rekuisisi yang disampaikan di bawah seksyen 30 berkenaan dengan tanah itu tidak disampaikan dan notis itu tidak dipatuhi.

BAHAGIAN VIII

KAWASAN PEMAJUAN

Perisytiharan kawasan pemajuan

38. (1) Pada bila-bila masa selepas pihak berkuasa perancang tempatan menerima suatu rancangan tempatan untuk suatu kawasan khas, pihak berkuasa perancang tempatan boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* Negeri, mengisytiharkan kawasan itu atau mana-mana daripada bahagiannya sebagai suatu kawasan pemajuan.

(2) Apabila sesuatu kawasan diisytiharkan sebagai suatu kawasan pemajuan, menjadi kewajipan pihak berkuasa perancang tempatan itu mengambil, melalui pembelian atau pengambilan paksa di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, semua tanah beri hak milik yang terletak di dalam kawasan itu, dan memajukan kawasan itu mengikut rancangan tempatan itu.

Kuat kuasa perisytiharan

39. (1) Tiap-tiap perisytiharan di bawah seksyen 38 hendaklah berkuat kuasa sebagai suatu perisytiharan pengambilan yang dicadangkan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi semua tanah beri hak milik yang terletak di dalam kawasan yang berhubungan dengan perisytiharan itu dan mana-mana daripada tanah itu boleh, jika pihak berkuasa perancang tempatan itu tidak berjaya merundingkan pembelian tanah itu dengan syarat-syarat yang dapat diterima oleh pihak berkuasa perancang tempatan, diambil dan dibayar mengikut Akta yang tersebut, tetapi tertakluk kepada seksyen 40.

(2) Bagi maksud Akta yang tersebut—

(a) mana-mana tanah yang dicadangkan hendak diambil menurut Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai diperlukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu;

(b) pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu perbadanan yang mengusahakan suatu kerja bagi kemudahan awam; dan

(c) tanah itu hendaklah disifatkan sebagai diperlukan bagi maksud yang tersebut dalam perenggan 3(1)*(b)* Akta itu.

Peruntukan khas bagi pampasan

40. (1) Pada menaksir pampasan yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana tanah atau bangunan atau apa-apa kepentingan mengenainya yang dicadangkan hendak diambil secara paksa menurut Bahagian ini—

(a) anggaran nilai tanah, bangunan, atau kepentingan itu hendaklah diasaskan kepada nilai pasarannya yang berpatutan pada tarikh perisytiharan itu disiarkan di bawah subseksyen 38(1), dengan memberi perhatian kepada jenis dan keadaan harta itu, lamanya bangunan itu mungkin tahan dalam keadaannya sekarang, dan keadaan kerosakannya, tanpa memberikan apa-apa potongan berkenaan dengan pembelian paksa itu atau perkara lain; dan

(b) dalam anggaran itu apa-apa tambahan atau pengelokan harta itu yang dibuat selepas tarikh perisytiharan itu disiarkan di bawah subseksyen 38(1) tidak boleh, melainkan jika tambahan atau pengelokan itu perlu untuk penyenggaran harta itu supaya baik keadaannya, dimasukkan dalam hal apa-apa kepentingan yang diperoleh selepas tarikh itu, dan juga tidak boleh dibuat apa-apa anggaran yang berasingan bagi nilainya dengan

tujuan hendak menambah amaun pampasan yang hendak dibayar bagi tanah atau bangunan itu.

(2) Apabila menaksirkan pampasan yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana rumah atau premis, keterangan hendaklah diterima oleh mahkamah untuk membuktikan—

(a) bahawa sewa rumah atau premis itu telah bertambah oleh kerana rumah atau premis itu digunakan untuk maksud-maksud yang menyalahi undang-undang atau terlalu penuh sesak sehingga menjadi berbahaya atau memudaratkan kesihatan penghuninya;

(b) bahawa rumah atau premis itu dalam keadaan yang menjadikan ia suatu kacau ganggu atau dalam keadaan yang kurang bersih atau secara munasabah kurang baik keadaannya; dan

(c) bahawa rumah atau premis itu tidak layak dan tidak munasabah boleh dijadikan layak untuk kediaman manusia,

dan, jika mahkamah berpuas hati dengan keterangan itu, maka pampasan itu—

(d) hendaklah, dalam hal yang pertama, setakat yang ia diasaskan kepada sewa, diasaskan kepada sewa yang tentu boleh didapati jika rumah atau premis itu telah diduduki untuk maksud yang sah di sisi undang-undang dan diduduki hanya oleh bilangan orang yang boleh ditampung oleh rumah atau premis itu, dalam semua hal keadaan hal itu, tanpa penuh sesak yang menjadi berbahaya atau memudaratkan kesihatan penghuninya;

(e) hendaklah, dalam hal yang kedua, amaun yang dianggarkan sebagai nilai rumah atau premis itu sekiranya kacau ganggu telah terhenti atau sekiranya rumah atau premis itu telah pulih dalam keadaan bersih atau telah diperbaiki secara munasabah, selepas ditolak belanja yang dianggarkan untuk menghentikan kacau ganggu itu atau

